

MEMAHAMI SEJARAH DAN GEOPOLITIK AMERIKA SYARIKAT DIS EGI TIGA EMAS THAILAND: HUBUNGKAIT KETAGIHAN DAN PENYELUDUPAN DADAH TERHADAP KESELAMATAN MALAYSIA^{© Σ}

AMER FAWWAZ MOHAMAD YASID* DAN NORAINI ZULKIFLI†

ABSTRAK

Makalah ini mengkaji cadangan terkini kerajaan Perpaduan Malaysia yang baharu terbentuk untuk menyahjenayakan isu penagihan dadah. Menerusi perspektif pertahanan dan keselamatan, penulis menyarakan agar keputusan tersebut tidak dilaksanakan dalam keadaan tergesa-gesa apabila langkah keselamatan sedia ada untuk menyekat penyeludupan dadah masih lemah. Dengan menjelaskan hubungan antara bekalan dadah haram di pasaran gelap Malaysia dan sindiket dadah transnasional, kita sewajarnya menelusuri sejarah Segi Tiga Emas Thailand serta penglibatan Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika Syarikat (AS) dalam Segi Tiga dadah membawa kepada suatu ancaman keselamatan yang kompleks. Ini mengaitkan sejarah dadah dan pengenalan hukuman mati di Malaysia dengan sejarah pelarian militan komunis Malaya yang mendapat dukungan dari Vietnam utara. Hakikat perubahan semasa ketegangan kuasa AS-China beralih ke Laut China Selatan, sebarang percubaan semasa untuk menyahjenayah dadah mesti mengambil kira kerumitan geopolitik sejarah ancaman dadah. Ketika ini, kefahaman dadah sebagai ancaman keselamatan bergantung kepada hukuman mati mandatori bagi penyalahgunaan dadah dan ini dianggap sebagai kesalahan jenayah. Kesalahan tersebut bergantung pada konsep jenayah ketagihan apabila memiliki bahan terlarang tersebut. Cadangan menyahjenayah penagih Malaysia perlu memahami pergantungan konsep ancaman keselamatan dengan kesalahan jenayah penagihan dadah. Tanpa konsep kriminologi yang jelas berkaitan penyalahgunaan dadah yang menyalahi undang-undang, kelemahan perundangan tidak dapat menghalang ancaman keselamatan transnasional yang disebabkan oleh pengedar dan penyeludup dadah.

Kata kunci: Segi Tiga Emas Thailand, penyeludupan dan penagihan dadah, menyahjenayakan (dikriminalisasi) ketagihan dadah di Malaysia, Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat dan Perang Vietnam, Asia Tenggara dan Perang Dingin

© **Hak cipta:** Para Penulis. 2022. Diterbitkan oleh Penerbit UKM bagi pihak SPHEA, FSSK UKM dan MPAT. Ini adalah artikel Akses Terbuka (*Open Access*) yang diedarkan menerusi syarat Lesen bebas karya yang tidak berhak cipta (*creative common (CC)*): <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>, yang membenarkan penggunaan, pengedaran dan pengeluaran semula tanpa had dalam mana-mana medium dengan syarat karya asal dipetik dengan betul dan tepat (diterbitkan *SINERGI*).

Σ **Maklumat artikel:** Tarikh penghantaran: 5 April 2022; Tarikh penerimaan: 15 Oktober 2022; Tarikh Penerbitan: 1 Disember 2022.

* **Penulis Pertama dan Penghubung:** Amer Fawwaz Mohamad Yasid, PhD (*UPNM*), Pensyarah Kanan, Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-Undang, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nssional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: amerfawwaz@upnm.edu.my

† **Penulis Kedua:** Noraini Zulkifli, PhD (*UKM*), Pensyarah Kanan, Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-Undang, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nssional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: noraini@upnm.edu.my

UNDERSTANDING THE HISTORY AND GEOPOLITICS OF THE UNITED STATES IN THE THAILAND'S GOLDEN TRIANGLE: RELATIONS BETWEEN DRUG ADDICTION AND TRAFFICKING ON MALAYSIAN SECURITY

AMER FAWWAZ MOHAMAD YASID AND NORAINI ZULKIFLI

ABSTRACT

We examine the latest proposals of new Malaysia's government to decriminalise drug addiction issues. From defence and security perspective, the authors cautioned Malaysia's hasty decision to decriminalise drug addicts when existing security measures to combat drug smuggling at the cross-border remained unresolved. In demonstrating the relations between illegal drug supplies in the Malaysian black market with the transnational drug syndicate, the authors focus historical existence of the Golden Triangle and the US's Central Intelligence Agency (CIA) presence in the area during the Cold War. The CIA's involvement in the drug triangle within complex nested security threats. It brought the Malaysian history of drugs and the introduction of capital punishment with the past relations of Malaya's communist insurgency with the northern Vietnam government and the Vietnam War. Given the current shift of the Southeast Asian tension involving the US-China power rivalry in the South China Sea, any current attempt to decriminalise dangerous addicted substances must take into past the historical geopolitical complexity of transnational and traditional security threats. Currently, the conceptualisation of drug addictions as national security threats relies upon existing capital punishment for drug abuse as a criminal offence. These offences relied heavily upon jurisprudence conceptualisation of addiction with possession of the abused substance. A proposal to decriminalise Malaysian addicts needs to understand the reliance of threats upon criminal offence concepts of the addictive substance. Thus, without criminological concepts of unlawful possession, legal loopholes cannot deter transnational security problems caused by drug traffickers and smugglers.

Keywords: *The Golden Triangle, drugs smuggling in Southeast Asia, drugs threat, national security, United States of America Central Intelligence Agency.*

Pengenalan

Penyeludupan dan penyalahgunaan dadah bukan lagi terhad kepada perdebatan mengenai permasalahan ketagihan, sains kesihatan serta kesan sampingan akibat pengambilan dadah perubatan, serta implikasi psikososial berkaitan dengan keruntuhan institusi keluarga (Julia 2006). Masalah ketagihan dadah juga berkaitan dengan peningkatan jenayah domestik, kehilangan sumber percukaian akibat operasi ekonomi narkotik haram (tidak dapat dicukaikan), di samping berkaitan dengan kemerosotan produktiviti sesebuah masyarakat (Frisendorf 20201). Banyak negara Asia Tenggara termasuk Singapura, Indonesia dan Malaysia masih mengekalkan pelaksanaan hukuman mati bagi kesalahan penyeludupan dan ketagihan dadah (Singh 2013, 12). Kontroversi usaha menjenayahkan dan memerangi penagih dadah di Filipina semenjak 2016 tidak boleh dipisahkan daripada isu ini. Pada masa yang sama, ketegasan kerajaan Singapura mempertahankan keputusan mahkamah negara tersebut untuk mengekalkan sabitan hukuman mati ke atas segelintir warganegara Malaysia yang ditangkap serta didapati bersalah atas kesalahan penyeludupan dadah turut membawa ketegangan saluran diplomasi dan hubungan luar Malaysia dengan Singapura. Ini meningkatkan pelbagai kempen aktivis hak asasi manusia Malaysia dan negara serantau dalam mendesak kerajaan Malaysia, Singapura serta negara Asia Tenggara lain untuk menghapuskan hukuman mati mandatori yang disifatkan sebagai legasi penjajahan dalam sistem jenayah serta bercanggah dengan hak asasi manusia kontemporari (Lindsey dan Nicholson 2016). Rentetan perkembangan semasa ini menunjukkan perkaitan kompleks antara kontroversi hukuman mati dengan kefahaman perundangan dan masyarakat semasa terhadap dadah sebagai objek ketagihan dan kesalahan akibat penyeludupan dadah.

Di Malaysia, ancaman keselamatan dadah bukanlah suatu perkara yang baharu, bahkan senario perundangan dan politik semasa mengenai usaha dan pelbagai pandangan pakar untuk menyahjenayahkan (dikriminalisasi) atau memisahkan pelaksanaan hukuman mati terhadap penagih dadah dengan permasalahan penyeludupan dadah telah membawa Malaysia menjadi sebahagian arus perdebatan mengenai dadah sebagai ancaman keselamatan nasional (Kamarudin 2007; Lucy 2021; Zarina 2009, 2016). Ketika ini, pengambilan dan penagihan dadah masih kekal sebagai suatu kesalahan jenayah di Malaysia. Ini bermakna kefahaman semasa mengenai dadah sebagai ancaman keselamatan nasional tidak mudah untuk dipisahkan daripada realiti operasi sendiket jenayah dadah yang menjadi nadi kepada bekalan dadah haram bagi kebanyakan kes ketagihan dan penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Realitinya pada hari ini, ekonomi narkotik bayangan di negara kita amat kompleks kerana Malaysia bukan sahaja menjadi sasaran pasaran dadah haram bahkan transit kepada pelbagai kumpulan atau individu-individu yang menjadikan Malaysia antara destinasi popular bekalan dadah haram yang begitu meluas dan tidak mudah diberkas. Sejak dahulu, pelbagai laporan akhbar mengenai warganegara asing, termasuk dari rantau Afrika, Timur Tengah, Asia Selatan, negara barat serta negara jiran serantau menunjukkan faktor sejarah dan geopolitik Malaysia dalam ekosistem ekonomi narkotik serta aktiviti penyeludupan oleh sendiket jenayah terancang dan rentas sempadan. Seiring dengan perkembangan teknologi, ekosistem pasaran gelap dadah Malaysia semakin kompleks dan mempunyai sejarah yang panjang dengan pelbagai peristiwa keselamatan nasional semenjak merdeka.

Objektik utama artikel ini membawa minda pembaca untuk memahami dan menelusuri kompleksiti dadah sebagai ancaman keselamatan Malaysia, dan keperluan pembaca memahami realiti isu strategik dan pertahanan nasional seperti dadah sewajarnya mengambil kira perspektif evolusi dadah sebagai objek keselamatan sejak era penjajahan. Untuk memahami fenomena dadah sebagai suatu ancaman keselamatan dan situasi yang membawa kepada pelaksanaan hukuman mati yang dianggap tidak berperikemanusiaan, kefahaman orang awam tentang cabaran pengedaran dadah oleh sendiket haram dan ketagihan terhadap sumber merbahaya ini harus menelusuri sejarah mengenai kefahaman Malaysia dalam konteks rantau Asia Tenggara. Faktor sejarah, legasi penjajahan dan geopolitik kuasa besar yang mewarnai ketidakstabilan Malaysia dan banyak negara-negara Asia Tenggara sewaktu perang dingin tidak boleh dipandang sepi. Hal ini wajar menjadi sebahagian konteks kefahaman semasa, khususnya bagi mereka yang mencadangkan untuk menyahjenayahkan (dikriminalisasi) atau tidak menjenayahkan fenomena ketagihan dadah. Selain itu desas desus cadangan memperkenalkan dadah terkawal bagi tujuan perubatan dan terapi pemulihan juga wajar diteliti. Ini kerana capaian bahan terlarang dan dadah merbahaya oleh penagih semada di Malaysia perlu mengambil kira operasi rangkaian sendiket dadah domestik dengan aktiviti jenayah rentas sempadan Malaysia-Thailand serta perkaitannya pula dengan industri dadah haram di Segi Tiga Emas Thailand.

Dalam makalah ini, para penulis berhujah mengenai keperluan mengambil kira kefahaman dan maksud ancaman keselamatan daripada perspektif Pengajian Keselamatan Nasional, Pertahanan serta Strategik Malaysia. Potensi sesuatu ancaman keselamatan atau ancaman sebenar Malaysia bersifat multidimensional. Malah, siap siaga pertahanan (*defence capability*) negara dan falsafah keselamatan meyeluruh (HANRUH) dalam Dasar Pertahanan Nasional amat bergantung rapat dengan kefahaman semasa sistem perundangan dan kriminologi negara yang mentakrifkan dadah sebagai suatu jenayah. Dalam penulisan ini, penulis berhujah bahawa cadangan pindaan untuk menyahjenayahkan ketagihan dadah masih tidak mengambil kira implikasi menyajenayahkan (dikriminalisasi) ketagihan dadah sebagai suatu fenomena jenayah. Memahami sejarah kesalahan ketagihan, pengenalan hukuman mati dan dadah sebagai suatu ancaman keselamatan dari sudut sejarah geopolitik Malaysia dalam rantau yang bergolak amat diperlukan. Perdebatan mengenai jenayah ketagihan dan perkaitannya dengan sendiket penyeludupan dadah yang merentasi sempadan sehingga mudah mengundang campur tangan kuasa asing amat kompleks. Selain itu, faktor perkaitan kompleks antara ancaman dadah (*drug threats*) dengan keselamatan insan (*human security*), seperti penyeludupan dadah (*drug trafficking*) dengan ancaman keselamatan nasional dan tradisi (*national and traditional security threats*) serta kelemahan sistem negara tidak dapat dipisahkan juga. Keterbatasan kerjasama semasa negara (akibat dasar ASEAN yang tidak mengalakkan campur tangan dalam masalah dalaman sesebuah negara) dan potensi risiko ketegangan hubungan Malaysia dengan negara berjiran seperti Thailand, Myanmar dan Laos (lokasi Segi Tiga Emas sebagai pusat penghasilan dadah haram dan antara terbesar dunia) amat berkaitan dengan isu pengurusan keselamatan sempadan dan mengekang aktiviti penyeludupan dadah bagi keperluan pasaran dadah haram domestik.

Oleh yang demikian, perbincangan dalam makalah ini dibahagiakan kepada beberapa bahagian utama. Pada bahagian pertama, penulis merungkai kefahaman dadah sebagai suatu ancaman keselamatan bergantung dengan kefahaman kesalahan jenayah serta keterkaitannya dengan sejarah dan geopolitik kuasa besar dalam kewujudan segi tiga emas Thailand. Bahagian kedua adalah sorotan kajian literatur global dan Malaysia dalam konteks Asia Tenggara berfokus mengenai dadah sebagai suatu industri jenayah

dan ancaman keselamatan yang kompleks. Pada bahagian ketiga, perbincangan berfokus kepada metodologi penyelidikan. Pada bahagian keempat, analisa berfokus kepada fenomena Segi Tiga Emas yang melibatkan bahagian Thailand serta kaitannya dengan sejarah campur tangan kuasa besar sehingga membawa ketidakstabilan. Dalam bahagian kelima, perbincangan tertumpu kepada perspektif keselamatan bukan tradisi dan keselamatan insan menjadi kerangka bagi menjelaskan konseptualisasi sifat, keperluan serta tafsiran dadah sebagai suatu ancaman transnasional di Malaysia bergantung dengan sistem kriminologi semasa yang mentafsirkan dadah merbahaya sebagai suatu jenayah dan pelanggaran akta sedia ada. Dalam bahagian keenam, perbincangan dapatan kajian mengupas dimensi transnasional industri domestik dadah beserta sejarah pengharaman dadah di Malaysia bersandaran dengan aktiviti jenayah rentas sempadan dan sebahagian komponen industri dadah di Segi Tiga Emas Thailand. Pada bahagian kesimpulan, perbincangan menumpukan pada dimensi geopolitik kuasa besar semasa dan sifat Asia Tenggara yang menjadi magnet menarik keterlibatan pergeseran sedia ada yang bersifat sejarah dan perkembangan kontemporari mengenai persaingan AS dengan kebangkitan China di pelbagai daratan dan maritim rantau Asia Tenggara menjadikan antara potensi peningkatan kesukaran usaha domestik membasmi ancaman dadah terikat rapat dengan percaturan geopolitik kuasa besar dalam mengeksploitasi permasalahan serta ancaman keselamatan di kalangan negara-negara Asia Tenggara.

Keterkaitan Sejarah Kuasa Asing dan Geopolitik Asia Tenggara dalam Kefahaman Ketagihan, Kesalahan Jenayah dan Pelaksanaan Hukuman Mati

Keterkaitan geopolitik kuasa asing di Asia Tenggara menjadi sebahagian sejarah pengenalan hukuman mati oleh British di Tanah Melayu serta pengharaman bahan ketagihan seperti candu, popi, ganja, daun ketum dan pelbagai jenis dadah moden serta sintetik. Kesemua ini menjadi sebahagian daripada sejarah panjang serta kompleks, semenjak kemasukan buruh asing dari Cina dan India yang dibawa British sewaktu memperkenalkan ekonomi moden pada penghujung abad ke-18. Bahkan, peristiwa seawal merdeka seperti darurat pertama (1948-1959) dan kedua (1960-1989), serta kegagalan rundingan Baling (1955) diantara Perdana Menteri Malaysia pertama Tuanku Abdul Rahman dengan Ching Peng dan Rashid Maidin yang mewakili militan Komunis Malaya mempunyai perkaitan rapat dengan pelbagai peristiwa di Indochina dan operasi awal dadah di Segi Tiga Emas Thailand.

Semenjak kegagalan rundingan Baling, aktiviti Komunis Tanah Melayu yang melarikan diri ke Thailand mempunyai perkaitan langsung dan rapat dengan aktiviti komunis Indochina. Selain polisi simpati Beijing terhadap perjuangan komunis Malaya (sebelum 1978), Chin Peng sewaktu melarikan ke Beijing (1961) dan semasa mendapat nasihat sewaktu lawatannya ke Hanoi, telah mendapatkan nasihat dari pemimpin tertinggi kerajaan Vietnam Utara (1945-1976) untuk meneruskan perang komunis melawan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang dianggap sebagai proksi British dan Barat. Oleh yang demikian, ancaman keselamatan akibat keganasan komunis dan darurat diawal merdeka turut berkaitan dengan pelbagai aktiviti kumpulan jenayah dan bekalan dadah haram dari sempadan Malaysia-Thailand. Ini bermakna ancaman awal keselamatan negara dari militan Komunis dan sendiket dadah berkaitan secara tidak langsung berkaitan dengan Perang Vietnam. Penguduran Perancis setelah Perang Vietnam Pertama, dan penglibatan Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika Syarikat (AS) dalam Segi Tiga Emas serta penglibatan AS menerusi proksinya di Vietnam Selatan (1945-1975) bagi melawan Vietnam Utara yang dipengaruhi Republik Rakyat China (PRC) dan Kesatuan Soviet (USSR) banyak dikaji. Namu begitu, keperluan

memahami implikasi sejarah keterlibatan kuasa asing dalam konflik di rantau Asia Tenggara terhadap permulaan budaya ketagihan moden sehingga menjadikan Malaysia tumpuan aktiviti rangkaian jenayah rentas sempadan dan ancaman dadah tidak banyak dikupas. Memahami sejarah ini dan perkaitannya dengan permulaan pengenalan hukuman mati mandatori terhadap penagih dadah memerlukan pengkajian yang teliti dan lebih mendalam. Sejarah pembinaan negara bangsa moden Malaysia dan usaha meningkatkan siapsiaga melawan ancaman keselamatan yang kompleks tidak dapat dipisahkan kajian politik-ekonomi jenayah ketagihan, bahaya ancaman dadah serta sedikit penyeludupan dadah global global.

Oleh itu, sejarah ancaman ketagihan dadah selepas Malaysia merdeka dan keterhubungannya dengan pelbagai sindiket penyeludupan dadah di sempadan Malaysia-Thailand amat berkaitan dengan permulaan industri dadah haram secara berleluasa di Segi Tiga Emas Thailand. Faktor sejarah ancaman keselamatan nasional dan ketagihan dadah termasuk sebahagian sejarah permulaan Segi Tiga Emas Thailand serta penglibatan kuasa asing dalam penghasilan pelbagai jenis tanaman dadah organik dan sintetik sewaktu perang dingin (sejarah dan geopolitik penglibatan kuasa asing dalam aktiviti narkotik dan semasa perang dingin di Asia Tenggara). Jika dahulu, operasi sindiket jenayah dadah melibatkan ekonomi narkotik yang bergantung secara langsung dengan aktiviti penyeludupan dan jenayah rentas sempadan negara dengan Thailand, kini Malaysia menjadi transit kepada rangkaian sindiket dadah antarabangsa, jenayah rentas sempadan dan kumpulan terancang di Asia Tenggara, Asia Timur dan peringkat global.

Justeru, faktor geopolitik dan sejarah penglibatan AS di Segi Tiga Emas dan kedekatan lokasi ini dengan pelbagai aktiviti penyeludupan dadah di sempadan Malaysia-Thailand wajar disoroti dan diambil kira, khususnya dalam menilai cadangan semasa untuk menyahjenayahkan (dikriminalisasi) ketagihan dadah di Malaysia. Oleh yang demikian, dilema keselamatan dan kesukaran antara mengimbangi tuntutan keselamatan nasional dengan perjuangan hak asasi manusia bagi golongan penagih adalah suatu cerminan realiti kompleks serta sebahagian kesukaran menstabilkan politik negara pasca pilihanraya umum ke-15 dengan realiti dasar luar bagi kebanyakan negara di Asia Tenggara (Weatherbee 2009). Persoalan utama mengenai ketagihan dadah dan penilaian terhadap prospek keselamatan hangat diperkatakan (Azril 2022; Bernama 2022). Kompleksiti persepsi ancaman keselamatan dadah dan usaha mengkaji tambah baik polisi awam berkaitan bahan merbahaya ini tidak dapat dipisahkan daripada perubahan politik semasa yang terjadi. Secara tidak langsung menjadikan isu keselamatan sebahagian daripada isu politik Malaysia.

Kajian Literatur Segi Tiga Emas Thailand dan Geopolitik Kuasa Besar

Kajian ilmiah di pelbagai negara membangun dan Asia Tenggara serta mencakupi kepakaran rentas disiplin sains kesihatan, sosiologi, politik serta pertahanan sedia ada mengenai dadah merbahaya amat banyak dikaji (Gautnam 2016; Scorzelli 1987; WHO 2011; Lin dan Nor Samira 2021). Maka perbincangan mengenai bahan terlarang dan sindiket dadah komersil dalam negeri serta wacana menambahbaik penguatkuasaan undang-undang yang dianggap domestik harus dikaitkan dengan permasalahan dadah Malaysia dalam konteks serantau dan jenayah transnasional dalam penyeludupan dadah.

Kompleksiti dan Multidimensional Dadah sebagai Objek Jenayah dan Keselamatan

Telah wujud pelbagai kajian literatur global mengenai dimensi keselamatan bukan tradisi serta implikasi keselamatan dan ketidakstabilan politik akibat ketagihan dadah (Kan 2016; Jensen 2022; Hevia 2003; Dupon 1999 Dayley 2019). Ada juga kajian yang mengaitkan secara rapat kestabilan politik atau krisis keselamatan bukan tradisi sesebuah dengan operasi kumpulan jenayah yang terlibat dengan aktiviti pemrosesan dadah sintetik dan penjualannya (Cornell 2007; Colins 2020). Tema demokrasi narkotik di Mexico (Crandall 2020) dan Columbia (Bagley 1988) serta keterhubungan aktiviti komersial perdagangan dadah haram di sempadan Afghanistan (Baddeley 1996), Pakistan (Asal 2015) dengan negara Indochina dan Asia Tenggara (Chouvy 2021, 2013, Zarina 2016, 2014; Chin dan Zhang 2015; Chalk 2000) banyak di kupas dari sudut politik keselamatan, jenayah terancang dan jenayah bermotifkan keuntungan.

Segi Tiga Emas sebagai Pusat Penghasilan dan Perdagangan Dadah

Para sarjana secara umumnya tidak mempunyai konsensus mengenai awal mulanya istilah segi tiga emas digunakan (Chouvy 2021; Chalk 2000; Cedilo 2021). Walau bagaimanapun, kajian sejarah penjajahan dan kepelbagaian jenis konflik moden di Indochina atau tanah besar Asia Tenggara amat berkait rapat dengan istilah tersebut (Chouvy 2010; Deks 2012; Goh 2006). Justeru, istilah Segi Tiga Emas merujuk kepada kewujudan sebuah wilayah yang menyaksikan pertembungan sempadan tiga buah negara: Thailand, Laos dan Myanmar (Hevia 2003; Inglis 1975; Jones 2018). Namun, pandangan popular merujuk kepada istilah ini telah diperkenalkan oleh CIA AS sewaktu perang dingin dan CIA aktif menjanakan kerja-kerja intipan terhadap negara-negara Indochina yang cenderung ideologi dan menjadi proksi kepada China atau Kesatuan Soviet. Penglibatan CIA dan Amerika ini banyak dikaji sebagai salah satu bentuk campur tangan kuasa Barat walaupun ada pandangan lain yang kurang bersetuju dengan perkaitan CIA dan kepentingan Amerika di Segi Tiga Emas ini (rujuk juga Kan 2016, Singh 2013; Kramer *et al.* 2009). Kajian McCoy (2003) menerangkan peranan CIA secara langsung dalam kewujudan Segi Tiga Emas dengan menyokong Tentera Nasionalis Kuomintang (KMT) China dari pasukan Ketiga dan Kelima di Thailand. CIA telah memberi sokongan moral serta bantuan ketenteraan meliputi persenjataan, bantuan teknikal serta latihan melawan insurgensi komunis. Usaha ini dilakukan sebagai memenuhi kepentingan strategik Amerika Syarikat melawan insurgensi komunis di utara Thailand ketika kemuncak Perang Vietnam. Sebagai balasan, CIA turut membantu Tentera KMT menjalankan perusahaan dan perdagangan candu di Segi Tiga Emas Thailand tanpa gangguan pihak luar (Fultun 1991; Emmers 2003).

Konflik sesama negara Indochina semenjak zaman sebelum penjajahan sehingga sewaktu bermulanya campur tangan kuasa Barat, penjajahan dan sehingga negara-

negara tersebut terjebak dengan pelbagai konflik sewaktu perang dingin mendasari pelbagai peristiwa yang mengubah landskap dan fungsi Segi Tiga Emas (Wright 2013; Wiant 1985). Dalam pada itu, kawasan yang menyaksikan pertembungan sempadan tiga negara ini adalah sebahagian ekosistem tanah subur yang bertembung dengan wilayah Ruak dan berada dalam lembah Sungai Mekong (antara sungai utama) di Indochina. Kewujudan Segi Tiga Emas ini dan kedekatannya dengan kawasan Bulan Sabit Emas (Golden Crescent) dalam penghasilan dadah di Afghanistan dan beberapa negara di Asia Tengah dan Selatan menjadikan permasalahan dadah di kalangan negara Asia semenjak merdeka amat berkait rapat dengan kewujudan kawasan ekonomi narkotik yang tidak mudah mudah dibentras oleh pasukan tentera dan kerajaan pelbagai negara berkaitan (Ted *et al.* 2013).

Kepelbagaian faktor seperti modenisasi ekonomi dan politik, peristiwa penting seperti perang zaman penjajahan, pendudukan Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua, dan pelbagai peristiwa perang dingin menjadikan kawasan subur ini sebagai transit migrasi manusia, serta menyaksikan perubahan dan pengenalan kepada ekonomi kapitalisme dadah. Justeru, kewujudan Segi Tiga Emas Thailand dan pengenalan pelbagai jenis tanaman dadah seiring peredaran zaman amat berkaitan dengan aktiviti jenayah terancang dan rentas sempadan dalam ekosistem ekonomi narkotik dipengaruhi oleh peristiwa penting sewaktu perang dingin di Asia Tenggara. Kajian Chin (2011, 14) menunjukkan kewujudan Segi Tiga Emas kerana kegiatan penghasilan, penanaman dan perdagangan heroin oleh pasukan tentera KMT di dataran tanah tinggi Shan, Myanmar. Segi Tiga Emas Thailand juga wujud disebabkan konflik politik ketika awal perang dingin seperti yang ditegaskan oleh Gibson dan Wen Hua (2011, 56). Antara peristiwa utama pada ketika itu seperti Perang Saudara di China yang menyaksikan kemenangan Parti Komunis China (PKC) serta terdirinya Republik Rakyat China (PRC) yang menjadikan ideologi komunisme antarabangsa (*comintern*) dan sosialisme saintifik (*scientific socialism*) menurut acuan China sebagai doktrin kebangsaan PRC atau China semenjak pentadbiran PKC semasa Presiden Mao Zedong. Peristiwa ini turut membawa migrasi dan pelarian serpihan KMT yang berada di wilayah Yunan (sempadan dengan Myanmar) akhirnya menjadikan sebahagian kawasan Segi Tiga Emas Myanmar dan ekonomi penanaman dadah komersil sebagai sumber pendapatan mereka (Chandler 1987, 78). Pengharaman candu dan pelaksanaan hukuman mati oleh China semenjak bermulanya pemerintahan PKC di Beijing menjadi faktor penolak kepada kepesatan ekonomi dadah di Segi Tiga Emas Myanmar (Hevia 2003, 45).

Kajian Rogers (2008, 12) menjelaskan serpihan tentera KMT telah menetap di kawasan pergunungan Thailand sejak mereka berundur dari tanah besar China pada awal tahun 1950-an akibat daripada kekalahan KMT kepada PKC dibawah pimpinan Mao Zedong yang berjaya memenangi perang saudara China pada tahun 1949. Permulaan transformasi serpihan KMT kepada kumpulan separa-militer yang berintegrasi dengan pelbagai kumpulan jenayah terancang, akhirnya menjadikan kawasan Segi Tiga Emas dalam sempadan tiga buah negara ini berada di luar kawalan (Goh 2006). Sewaktu Perang Vietnam, serpihan militan PKM termasuk Chin Peng turut berinteraksi dengan pemimpin tertinggi kerajaan Komunis Vietnam Utara dan

menjadikan rangkaian dadah rentas sempadan Malaysia Thailand sewaktu darurat semakin kompleks dan sebahagian ancaman keselamatan melawan komunis (Saschsenroder 2022). Selain itu, peristiwa perang Vietnam dan pemerintahan Diktator Pol Pol di Kampuchea (Cambodia) oleh rejim Khmer Rouge dan peperangan terbuka antara Cambodia dengan Vietnam telah menyaksikan kerajaan Komunis Vietnam (selepas berakhirnya perang Vietnam pada 1976) berjaya menakluki Cambodia dan Laos. Menurut Barbara dan Watson Andaya (1982, 16), perkembangan peristiwa perang dingin serantau secara jelas menunjukkan bagaimana kawasan Segi Tiga Emas Thailand menjadi sebahagian magnet ketidakstabilan politik antarabangsa rantau Asia Tenggara dan penglibatan langsung dan tidak langsung proksi kuasa besar semenjak zaman penjajahan dan modenisasi bermula diawal Malaysia merdeka.

Kajian oleh Sabhasri (1978) menyatakan kewujudan Segi Tiga Emas sebagai pusat penghasilan utama penanaman pokok popi Asia Tenggara atas faktor penduduk kawasan tanah tinggi pedalaman pergunungan Thailand menjadikan tumbuhan itu sebagai sumber utama ekonomi sara diri mereka. Pokok popi ditanam sejak berlaku Perang Vietnam. Tumbuhan ini tidak mudah rosak, berdaya tahan tinggi dan tidak memerlukan penjagaan rapi berbanding tanaman kontan seperti padi, teh dan kopi. Tambahan pula, getah popi yang diproses menjadi candu berharga tinggi jika dibandingkan hasil penjualan tanaman kontan. Oleh yang demikian, dalam konteks sejarah Malaysia, Barbara dan Watson Andaya (1982), Acharya (2006), Scorzelli (1987) serta Lipsman (1988) menunjukkan pengenalan candu dan migrasi buruh dari China dan India yang dibawa masuk penjajah Barat turut berkaitan dengan ekonomi dadah di Segi Tiga Emas dan menjadikan kawasan ini antara laluan candu dan pengenalan pelbagai jenis dadah lain dalam budaya ketagihan sehingga masuk dan menjadi sebahagian permulaan sejarah ketagihan dadah di kalangan buruh dalam pelbagai kumpulan kaum utama di Semenanjung Tanah Melayu semenjak era penjajahan.

Kajian Wong (2007) turut mengulas keterlibatan kaum Cina semenjak migrasi mereka ke Persekutuan Tanah Melayu, serta kaitan mereka dengan pelarian China yang menjalankan aktiviti penanaman pokok popi, penyeludupan serta pengedaran dadah di Segi Tiga Emas Thailand telah wujud seawal 1950-an lagi. Kaum Cina yang juga merupakan pendatang sebelum kemerdekaan Tanah Melayu dan berasal dari China melarikan diri daripada pemerintahan PKC sejak kekalahan KMT dalam perang saudara di China semenjak 1949. Mereka mengambil kesempatan berlindung di pergunungan utara Thailand dan mula menanam pokok popi kerana kurangnya kawalan keselamatan Kerajaan Thailand atas faktor jarak daripada pusat pentadbiran di Bangkok. Budaya dan ekosistem narkotik pelarian Cina di Segi Tiga Emas Thailand mempunyai perkaiatan yang panjang serta rapat dengan pengenalan budaya ketagihan candu di kalangan buruh imigran semenjak pengenalan ekonomi moden pada zaman penjajahan British. Walaupun telah wujud amalan penggunaan bahan ketagihan dari tumbuhan semula jadi dalam sejarah narkotik dan penggunaan dadah alami dalam sejarah perubatan tradisional Alam Melayu (Gimlette 1971) dan sebelum penjajahan Eropah bermula, amalan ketagihan kronik mulai ketara sewaktu zaman penjajahan. Ketagihan candu, popi dan dadah organik lain secara sistematik mulai menjadi

sebahagian masalah ekonomi dan keselamatan moden Tanah Melayu apabila budaya candu masuk bersama buruh asing yang dibawa British dan disokong pembesar Melayu. Pengenalan Sistem Kangcu dalam perladangan gambir dan lada hitam sewaktu era modenisasi Johor di zaman Sulltan Abu Bakar dan penjajahan British amat jelas menunjukkan perkaitan anantara mulanya budaya ketagihan moden dengan capaian dadah tersebut dari sumber Segi Tiga Emas Thailand (Chouvy 2010; Chin dan Xhang 2015; Chandler 1987; Cedillo 2021).

Terjelasnya produktiviti kerja akibat ketagihan melampau menjadi antara faktor yang mendorong pengenalan undang-undang kawalan dadah oleh British di sempadan Malaysia dengan Thailand dan hukuman yang lebih berat termasuk hukuman mati mandatori bagi kesalahan ketagihan atau memiliki bahan dadah merbahaya (Kamarudin 2007; Jones 2018; Inglis 1975; Gelardi 2020). Di zaman awal selepas merdeka, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu memilih untuk mengekalkan peraturan ini mengambil kira ancaman ketagihan dadah bukan sahaja melibatkan soal produktiviti ekonomi tetapi suatu ekosistem dadah yang berkait rapat dengan pengedaran dan penyeludupan di kawasan sempadan serta dengan Thailand dan kaitanya dengan Segi Tiga Emas di Lembah Mekong (Dupont 1999; Derk 2012; Cox 1997; Colins 2020). Secara spesifiknya, kawasan Segi Tiga Emas yang berada dalam sempadan negara Thailand moden atau juga disebut sebagai Segi Tiga Emas Thailand menjadi antara kawasan utama yang meyumbang kepada penghasilan, perdagangan dan penyeludupan sebahagian besar jenis dadah organik dan sintatik yang lebih merbahaya ke Malaysia.

Kajian Armao (2003) menerangkan kewujudan Segi Tiga Emas menjadi antara faktor utama kepada penubuhan kumpulan kongsi gelap (*triads*) selepas tamat Perang Vietnam (1976). Kemudiannya, kumpulan ini menjalankan perniagaan dadah melalui penanaman pokok popi sebagai sumber utama kewangan bagi membeli senjata api untuk menjalankan aktiviti jenayah. Era awal selepas merdeka menyaksikan Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia) tidak terkecuali dengan pelbagai ancaman luaran dan perkembangan penting mengenai politik rantau Asia Tenggara dan pergeseran terbuka kuasa besar sewaktu Perang Dingin. Peristiwa domestik tanah air seperti keganasan militan Komunisme, pengistiharan darurat, pertembungan tuntutan kedaulatan dengan negara jiran, penubuhan Malaysia serta Konfrantasi dengan Indonesia berkaitan secara langsung peristiwa luar negara sewaktu Perang Dingin di Asia Tenggara dan dipengaruhi juga oleh geopolitik dan ekosistem ekonomi narkotik Segi Tiga Emas Asia Tenggara.

Sementara itu, kajian oleh Williams (1997) menyenaraikan aktiviti penyeludupan dadah sebagai jenayah dinaungi kumpulan jenayah rentas sempadan. Bagi Williams, semenjak tahun 70-han, sindiket penyeludupan dadah berpangkalan di Hong Kong dan Taiwan mendapatkan bekalan dadah di Segi Tiga Emas Thailand untuk dieksport ke pasaran antarabangsa, termasuk bagi keperluan pasaran domestik haram di Malaysia, selain negara dijadikan transit dadah bagi dieksport ke negara lain secara haram. Sindiket ini diterajui kumpulan kongsi gelap seperti *Chiu Chiao* yang menjalankan aktiviti penanaman pokok popi serta pengedaran dadah di Segi Tiga Emas Thailand

sejak awal 1960-an lagi. Kumpulan ini juga pernah berjaya menjalankan aktiviti penyeludupan dadah hingga ke AS sekitar 1970-an dan awal 1980-an. Chouvy (2013) turut mengulas kewujudan Segi Tiga Emas Thailand sebagai pusat pengeluaran candu di Asia Tenggara. Faktor geografi dan bentuk muka bumi bergunung-ganang serta diliputi hutan tebal dimanfaatkan oleh sindiket penyeludupan dadah sepenuhnya daripada dikesan pasukan keselamatan. Bagi Chouvy (2021), laluan penyeludupan dadah yang digunakan oleh sindiket penyeludupan dadah beroperasi dari kawasan Segi Tiga Emas Thailand hingga ke seluruh Asia Tenggara termasuk Malaysia dijadikan hab transit penyeludupan dadah secara besar-besaran.

Kajian literatur di atas dengan jelas menunjukkan keterhubungan sejarah pengenalan dadah organik, migrasi buruh asing sejak zaman penjajahan, pengenalan budaya bahan ketagihan dan laluan pennyeludupan dadah di sempadan Maaysia-Thailand amat berkait rapat dan menjadi sebahagian masalah kompleks ekosistem ekonomi narkotik di Segi Tiga Emas Thailand. Kita tidak boleh menolak dimensi sejarah, aktiviti transnasional manusia dan jenayah serta geopolitik rantau Asia Tenggara yang mudah menjadi magnet sehingga menarik pengaruh atau campur tangan kuasa besar. Kefahaman daripada perspektif sejarah, politik, pengajian strategik dan pertahanan ini sewajarnya menjadi sebahagian kefahaman awam semasa dalam mengupas mengenai ancaman dadah sebagai bahan ketagihan dan kaitannya dengan kefahaman jenayah penyeludupan dadah di Malaysia.

Metodologi Penyelidikan

Pendekatan sosiologi sejarah keselamatan dan penyelidikan pertahanan menekankan keperluan tafsiran konteks terhadap sesuatu data skunder bercetak dan tidak bercetak (Lafaye 2021). Manakala Hoadley (1975) mengakui keperluan tafsiran konteks terhadap kandungan sesuatu data skunder atau dokumen bagi menerangkan analisa keterhubungan sosiopertahanan dalam menjelaskan kefahaman polisi semasa negara terhadap ancaman keselamatan. Sementara Muna (2006) dalam kajian mengenai persenjataan kecil dan penyeludupan dadah di Indonesia bersetuju dengan amalan lazim dalam kaedah penyelidikan keselamatan kontemporari di Asia Tenggara seperti yang ditemui dalam penulisan autoritatif Gray (2011), Jones (2011) dan Wirtz (2019). Mereka menerima kesesuaian mennggunakan empat prinsip utama yang diperkenalkan oleh James Scott (2002). Menurut Scott (1989, 2012, 2017), keaslian (*authenticity*), kredibiliti (*credibility*), perwakilan (*representativeness*) dan intepretasi maksud (*meaning*) sesuatu dokumen amat penting dalam menerangkan konteks analisa kandungan secara kualitatif terhadap sesebuah dokumen bercetak dan tidak bercetak, serta dalam menentengahkan isu sosial ataupun politik.

Kajian ini dilakukan menerusi kaedah kualitatif setelah negara memasuki fasa endemik dan norma baharu, khususnya penyelidikan kerja lapangan secara bersemuka, penyelidikan perpustakaan (*library research*) dan analisa kandungan secara kualitatif (*qualitative content analysis*) terhadap dua jenis data sekunder yang bercetak dan tidak bercetak. Selain makalah ilmiah kontemporari dalam bahasa Malaysia dan Inggeris mengenai keselamatan bukan tradisi, ancaman dadah dan jenayah rentas sempadan,

data skunder bercetak seperti penerbitan warta, pekeliling dan kenyataan rasmi oleh pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan dengan sektor keselamatan dalam dan luar negeri turut dimanfaatkan. Manakalah makalah ilmiah melibatkan pengumpulan bahan bercetak dan dalam talian, dan ini termasuk sumber yang diperolehi dari Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim Ismail UPM, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia serta Perpustakaan Pusat Penyelidikan dan Penyalahgunaan Dadah ASEAN (ACREDA) Universiti Sains Islam Malaysia. Manakalah data skunder tidak bercetak, maklumat bedarjah, dokumen terkawal dan memerlukan kebenaran khas telah diperolehi menerusi kerjasama dengan pelbagai agensi keselamatan yang bertanggungjawab secara terus dengan Kementerian Pertahanan (KEMENTA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), serta Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Selain itu, instrumen lain yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual separa-berstruktur (*semi-structured interviews*) dan secara tanpanama (*anonymous*) dengan tujuh pegawai agensi keselamatan dan pertahanan sempadan dan dalam negara Malaysia. Identiti dan latarbelakang responden dirahsiakan bagi tujuan melindungi keselamatan pegawai tersebut dari sebarang risiko ancaman akibat perkongsian pandangan serta pengalaman peribadi pegawai yang pernah terlibat dengan pelbagai operasi membentasi sendiket dadah tempatan serta aktiviti penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand. Selain itu, pada 2019, penulis berjaya mewawancara secara tidak berstruktur (*unstructured interviews*) dengan empat mantan pegawai polis di Selatan Thailand dan tiga individu yang telah dibebaskan setelah selesai menjalani hukuman di Thailand kerana pernah tertangkap, dibicarakan dan didapati bersalah dengan beberapa bentuk penglibatan jenayah ringan dan kelas rendah dalam rangkaian aktiviti serta laluan sulit perdagangan dadah dari Segi Tiga Emas Thailand dan Sungai Golok, Kelantan. Data daripada wawacara dan analisis kandungan dokumen terpilih melalui proses triangulasi data yang dipandu oleh prinsip kesahihan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*). Hasil analisa penting ini diolah dalam bentuk analisa bagi menjawab persoalan kajian dan mengutarakan perspektif baharu ancaman keselamatan dadah yang dikenal pasti ekoran cadangan untuk tidak menjenyahkan kesalahan dadah, semenjak cadangan ini mula digagaskan oleh pentadbiran Pakatan Harapan (PH) sejak 2019. Perbincangan beralih kepada kerangka konsep dadah sebagai ancaman keselamatan Malaysia dan dinamika geopolitik kuasa besar di Asia Tenggara.

Kerangka Konseptualisasi Ekosistem Ekonomi Bayangan, Penyeludupan dan Jenayah Rentas Sempadan: Geopolitik Kuasa Asing di Asia Tenggara

Untuk memahami masalah dadah di Malaysia bukan lagi soal ancaman keselamatan manusia tetapi turut bertembung dengan keselamatan tradisi dan geostrategik, teori ekonomi narkotik (*narco economy*) dan keselamatan dadah sebagaimana dalam model kajian keselamatan dadah di Amerika Latin wajar diambil kira dalam konteks Malaysia. Menurut Ghiabi (2022), Gillies (2017), Kleemans (2021) wujud hubungan rapat antara kelemahan kawalan dan tadbir urus keselamatan sesebuah negara yang

masih membangun dan lemah sistem demokrasinya dengan ekonomi kapitalisme dadah (*drug capitalism*). Kesemua perkaitan ini wujud dengan ekosistem pasaran gelap (*black market*). Bagi menampung kelemahan sistem negara dalam memenuhi keperluan ekonomi dan perlindungan keselamatan, Zavala (2022) menunjukkan kewujudan dan perkaitan rangkaian antara ekonomi bayangan (*shadow economy*) aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan haram (*smuggling and trafficking activities*) dengan aktiviti jenayah rentas sempadan dan terancang (*transnational and organised crime activities*). Keterhubungan sendiket dadah domestik yang beroperasi membekalkan dadah terlarang secara haram dengan rangkaian jenayah rentas sempadan serta kedekatan sesebuah negara dengan lokasi utama pengeluaran dadah menjadi suatu permasalahan keselamatan yang signifikan. Operasi ekonomi bayangan domestik bergantung kepada permintaan tempatan dan penawaran bekalan dadah seludup dan rentas sempadan.

Apabila tadbir urus keselamatan dan kawalan sempadan berkait rapat dengan budaya politik negara membangun, sistem demokrasi yang masih lemah turut mendorong perluasan budaya rasuah, ketirisan sogokan pasukan keselamatan dan pegawai keselamatan sempadan (Weiss 2015). Ini mendorong kepada kecenderungan mempolitikkan keperluan pertahanan di wilayah sempadan sehingga ancaman keselamatan bukan tradisi menjadi sebahagian cabaran yang merencatkan usaha meningkatkan pertahanan dan membasmi ancaman keselamatan (Su 2015). Menurut Young-an (2012), Singh (2013) dan Sulastiana (2021), kebanyakan negara yang memilik keterhubungan ekonomi bayangan yang menyokong ekosistem permintaan dadah haram tempatan dengan aktiviti jenayah rentas sempadan. Bahkan Wason (1987) mengaitkan perihal ini dengan kecenderungan tinggi untuk negara yang memiliki proses pendemokrasian yang lemah dengan dorongan untuk melaksanakan hukuman mati mandatori bagi kesalahan ketagihan atau memiliki dadah secara haram.

Justeru sebarang usaha untuk memisahkan jenayah ketagihan dengan jenayah penyeludupan dadah secara haram sewajarnya mengkaji remedi menangani kelemahan sistem dan tadbir urus agar usaha menangani ketagihan jenayah tidak membawa peningkatan ancaman yang berpunca daripada penyeludupan dadah rentas sempadan (Syaifullah 2017). Pada masa yang sama kedekatan Malaysia dengan sumber pengeluaran dadah tersebut serta kebarangkalian tinggi lokasi pengeluaran dadah haram serantau menjadi magnet campur tangan kuasa asing tidak boleh dinafikan (TI 2010).

Justeru penjelasan teori ini jelas menerangkan implikasi ekosistem ekonomi dadah bayangan domestik, aktiviti penyeludupan rentas sempadan dan sejarah pusat pengeluaran dadah haram serantau mempunyai perkaitan dan menunjukkan pertembungan antara dadah sebagai sumber ancaman keselamatan manusia dengan ancaman keselamatan tradisi negara. Elemen akhir geopolitik kuasa besar dengan sifat rantau Asia Tenggara sebagai magnet tidak boleh dinafikan, khususnya mengambil kira Segi Tiga Emas dan kedetannya dengan sempadan Malaysia-Thailand dan operasi sendiket dadah yang menjadikan Malaysia sebagai pasaran dan transit. Faktor budaya keselamatan dan kualiti demokrasi Malaysia turut berkait secara langsung. Implikasi penjelasan teori ini terhadap cabaran keselamatan dadah Malaysia dan Asia Tenggara

mewujudkan beberapa aspek ancaman keselamatan utama oleh dadah:

- a) Cadangan untuk tidak menjenayahkan masalah ketagihan dadah tidak dapat dipisahkan daripada permasalahan penyeludupan dadah sebagai sumber ancaman keselamatan di Malaysia,
- b) Kompleksiti dan keterikatan takrifan dadah sebagai objek keselamatan bergantung kepada konseptualisasi kriminologi dadah merbahaya sebagai suatu kesalahan jenayah,
- c) Perkembangan penyalahgunaan dan ancaman ketagihan semenjak zaman penjajahan menjustifikasi perlaksanaan hukuman mati mandatori,
- d) Pasaran dadah haram di Malaysia menjadi sebahagian aktiviti jenayah rentas sempadan serta berkait rapat dengan industri dadah di Segi Tiga Emas Thailand
- e) Ancaman keselamatan dadah di Malaysia tidak boleh dipisahkan dengan geopolitik kuasa besar di Segi Tiga Emas Thailand, dan
- f) Memahami sejarah penglibatan Amerika Syarikat dalam Segi Tiga Emas Thailand amat penting.

Bahagian berikutnya, menerangkan sejarah penglibatan Amerika Syarikat dalam Segi Tiga Emas Thailand.

Dapatan dan Hasil Perbincangan

Sejarah Penglibatan Amerika Syarikat dalam Segi Tiga Emas Thailand 1950-1960han: Keselamatan Dadah Asia Tenggara

AS berkepentingan strategik dalam membendung kemaraan Tentera Pembebasan Vietnam Utara yang memiliki agenda menjadikan Asia Tenggara sebagai kubu kuat mereka (Cox, 1996). Awal 1950 melalui penubuhan Konsul CIA di Bangkok, ejen CIA seramai 300 orang berpengalaman dan terlatih dalam peperangan melawan insurgensi telah melatih 350 anggota Polis Diraja Thailand dan Tentera Diraja Thailand untuk diaturgerak bagi mengawal keselamatan sempadan di utara Thailand (Gibson dan Wen Hua, 2011). Bagaimanapun CIA turut melatih tentera KMT yang berada di Segi Tiga Emas Thailand. Perancangan telah dibuat lebih awal dengan memanipulasi program latihan melawan insurgensi sebagai aktiviti samaran untuk membekalkan sistem persenjataan kepada pasukan serpihan KMT. Turut ditubuhkan kem tentera yang berfungsi sebagai pusat operasi di Segi Tiga Emas Thailand dibawah kawalan pasukan tentera Ketiga dan Kelima KMT (Wiant 1985). Pada awalnya selepas KMT berundur dari China mereka menetap di Hmong Sat, Myanmar bagi melaksanakan operasi melawan insurgensi komunis di Tanah Tinggi Yunnan (McCoy, 1991). Selepas beberapa tahun, operasi melawan insurgensi beralih pula ke dataran tanah tinggi Shan di Burma. Pada 1958, CIA mengarahkan Tentera KMT ini berundur

ke kawasan pergunungan utara Thailand (Chiang Dao), terletak di pergunungan Chiang Mai Thailand akibat perubahan situasi politik.

Buxton (2006) turut berpendapat kesan Perang Vietnam menyebabkan CIA melaksanakan kerjasama strategik dengan serpihan KMT dan orang Asli *Hmong* yang mendiami tanah tinggi Myanmar, Laos serta Thailand. Ini menjadi sebahagian usaha menyekat kemaraan gerila komunis ke Asia Tenggara sekitar 1950-an hingga 1960-an. Bagaimanapun kerjasama strategik ini menimbulkan masalah baharu apabila serpihan KMT dan orang Asli *Hmong* menjadikan kegiatan pengeluaran dan penjualan candu serta heroin sebagai sumber kewangan utama. Secara tidak langsung, perkembangan tersebut memberi kesan terhadap dilema keselamatan dadah serantau apabila transaksi dadah haram Malaysia disokong oleh pengeluaran dan perkembangan sejarah Segi Tiga Emas Thailand.

Perkembangan Ekosistem Ekonomi Bayangan Narkotik di Segitiga Emas Thailand Semenjak Perang Vietnam

Pada 1960 serpihan KMT China menjalani kehidupan di utara Thailand. Kementerian Dalam Negeri Thailand melakukan inisiatif membangunkan perkampungan KMT dengan pembinaan kemudahan asas (Gibson dan Menhua, 2011). Pada awalnya, serpihan KMT tidak disekat untuk bergerak ke mana-mana dan diberi kebenaran menyimpan senjata api bertujuan untuk berburu dan mempertahankan diri. Bagi menampung kos kelangsungan hidup dan operasi melawan komunis di utara Thailand, mereka mula menjalankan aktiviti penanaman pokok popi, pemprosesan candu, penghasilan heroin sekaligus meningkatkan aktiviti penjualan dan perdagangan dadah di Segi Tiga Emas Thailand secara besar-besaran (Derks 2012).

Serpihan KMT menjadikan perusahaan menanam pokok popi serta perdagangan candu dan heroin sebagai sumber utama ekonomi perkampungan Kuomintang (Sabhasri 1978). Candu akan dieksport ke Myanmar melalui sistem pertukaran barang keperluan seperti makanan, pakaian, perubatan serta ditukarkan dengan matawang asing. Gibson dan Wen Hua (2011) menegaskan Komander Tentera Kelima KMT, Jeneral Tuan Hsi Wen pada 1967 menjustifikasikan kegiatan perdagangan candu di pergunungan Thailand sebagai sumber kewangan KMT untuk membeli senjata bagi melawan insurgensi komunis. Selain mengusahakan penanaman pokok popi berskala besar, serpihan KMT juga memperoleh bekalan tambahan candu daripada petani di Myanmar dan Laos (Chin dan Zhang 2015). Petani dari kedua-dua negara tersebut menjual tanaman popi mereka kepada peraih berbangsa Cina yang merupakan pengikut KMT (Litner, 2000). Hubungan baik dibina antara KMT dengan penduduk setempat membolehkan perniagaan penjualan heroin dapat berjalan dengan lancar dan tidak diganggu orang tempatan (Buxton, 2006). KMT telah melindungi kepentingan penduduk setempat dengan menjalankan rondaan keselamatan di ladang-ladang popi kepunyaan petani tempatan. Masyarakat tempatan yang mendiami Segi Tiga Emas Thailand turut menggunakan hasil penjualan candu dan heroin bagi tujuan mobiliti sosial dan membina kemudahan asas (Djedje dan Korff, 2004).

Tahun 1970-an merupakan tempoh kerancangan Segi Tiga Emas Thailand hingga menjadi pengeluar utama heroin dunia. Dekad tersebut menunjukkan penguasaan penuh serpihan KMT mengawal pasaran serta perdagangan heroin Asia Tenggara di Segi Tiga Emas Thailand (Litner 2000 13). Hanya selepas 1968, Bangkok merasakan tentera KMT perlu meninggalkan kawasan segi tiga dalam sempadan negara Thailand kerana Bangkok beranggapan kehadiran pihak asing menunjukkan seolah-olah kawasan tersebut dimonopoli pasukan tentera berasal dari Taiwan dan ini membawa berlaku rundingan dengan pemimpin KMT hingga awal 1970-an (Chouvy, 2010, 23-26). Beberapa siri rundingan telah diadakan melibatkan ketiga-tiga pemimpin kanan KMT yang berada di Thailand iaitu Jeneral Tuan Hsi Wen, Jeneral Li Wen Huan dan Ma Chun Kuo pada 28-29 April 1972 (Gibson dan Wen Hua 2011). Thailand berkompromi dengan memberi kerakyatan, bantuan perumahan serta pertanian dengan syarat KMT perlu menghentikan kegiatan penanaman pokok popi dan penyeludupan dadah sama ada di dalam mahupun luar Thailand (Litner 2000 13). Selepas 1980, serpihan KMT masih lagi beroperasi seperti biasa dalam menjalankan perniagaan dan perdagangan dadah sehingga menetap di Chiang Rai, Chiang Mai, dan Mae Hong Son sehingga kemerosotan pengeluaran heroin di kawasan tersebut awal 1990 disebabkan pergolakan politik yang berlaku di Segi Tiga Emas (Gibson dan Wen Hua 2011, 308).

Jelasnya, Segi Tiga Emas Thailand wujud disebabkan faktor campur tangan politik CIA yang membantu perjuangan pasukan tentera KMT Ketiga dan Kelima. Pasukan KMT ini berpusat di Chiang Mai dan Chiang Rai setelah berundur dari China pada 1949. Ketika awal Perang Dingin, kawasan Indo-China dimanipulasi oleh pergerakan Komunisme yang ingin menjadikan Asia Tenggara sebagai kubu kuat pergerakan komunis sedunia. AS menunjukkan kebimbangan terhadap kejatuhan negara di Asia Tenggara ke tangan komunis sekiranya Vietnam dikuasai komunis dari utara ketika Perang Vietnam 1963-1965. Oleh yang demikian, AS melalui CIA menyokong KMT yang menetap di pedalaman utara Thailand bagi membantu agenda AS dalam perjuangan menentang komunis di kawasan Indo-China. Rentetan itu pasukan KMT mempunyai sistem latihan dan persenjataan yang lengkap atas bantuan ketenteraan secara langsung daripada CIA.

Pada ketika itu, Kerajaan Thailand juga berpendapat KMT dapat membantu negara mereka mempertahankan kawasan sempadan utara daripada ancaman komunis hingga kewujudan Pasukan KMT Ketiga dan Kelima di Segi Tiga Emas Thailand tidak menjadi persoalan besar. Namun, kawasan pedalaman utara Thailand tidak mempunyai sumber yang mampu menjana ekonomi masyarakat tempatan. KMT merasakan sumber kewangan bagi menjalankan operasi melawan insurgensi komunis hanya dapat dijana melalui perusahaan penanaman pokok popi dan penghasilan heroin. Pasca kekalahan AS dalam perang Vietnam, menjadikan KMT terpaksa menjalankan aktiviti melawan insurgensi komunis secara bersendirian. Tanpa mendapat bantuan kewangan dan persenjataan daripada CIA, KMT terpaksa berdikari dalam menjana sumber ekonomi. Pasukan KMT menjual bekalan heroin kepada sindiket penyeludupan dadah antarabangsa seperti kumpulan kongsi gelap *Chiu Chao* yang menjalankan kegiatan penyeludupan dadah ke Eropah dan Amerika Syarikat. Pada era 1970 hingga 1980-an Segi Tiga Emas merupakan kawasan pengeluaran

heroin utama dunia hingga kemerosotan penghasilan berlaku awal 1990-an akibat pergolakan politik di Segi Tiga Emas Myanmar. Secara keseluruhannya, campur tangan politik CIA menyebabkan kewujudan kawasan Segi Tiga Emas Thailand khususnya ketika Perang Vietnam 1963-1975 tidak dapat dinafikan. Tamatnya perang dingin menyaksikan persekitaran politik antarabangsa yang berubah. Asia Tenggara menyaksikan kebangkitan China dan pergeseran terbuka dalam perang perdagangan, digital dan ketegangan maritim di Laut China Selatan menghidupkan kembali sentimen lalu. Asia Tenggara ketika ini menyaksikan pertembungan yang lebih terbuka dan agresif antara China dan AS, walaupun tidak tertumpu kepada ekonomi narkotik di Segi Tiga Emas.

Kuasa Besar, Segi Tiga Emas Thailand dan Ancaman Keselamatan Dadah di Malaysia

Menurut Cornell (2007:94) sejak tamat Perang Dingin terdapat peningkatan ancaman keselamatan melibatkan keselamatan nasional dan keselamatan bukan tradisional yang wujud menyeberangi sempadan negara seperti aktiviti penyeludupan dadah. Masalah ini wujud kerana permintaan tinggi dalam kalangan pengedar dadah dan penggunaannya (Wan Azmi Ramli 1986:10). Faktor mekanisme penawaran dan permintaan dalam pasaran dadah haram dan hubungkaitnya dengan geopolitik Asia Tenggara yang menjadi magnet pergeseran kuasa besar serta lokasi Segitiga Emas (*Golden Triangle*) di sekitar Lembah Sungai Mekong dan ini mengakibatkan berlaku kemasukan dadah secara haram dari luar negara sekaligus mewujudkan ancaman keselamatan terhadap negara seperti Malaysia. Menurut Scorzelli (1987) terdapat dua kawasan utama pengeluaran dadah dunia iaitu Bulat Sabit Emas (*Golden Crescent*) terletak dalam jajaran Pakistan, Afghanistan dan Iran. Manakala STE (Segi Tiga Emas) atau *Golden Triangle* pula terletak di Myanmar, Thailand dan Laos.

Mengambil kira aspek geografi, penyeludupan dadah tidak terbatas kepada sempadan atau bentuk muka bumi sesebuah negara. Terdapat kumpulan kartel dadah menjalankan operasi besar-besaran dengan penumpuan aktiviti di Segi Tiga Emas. Kemajuan pengangkutan udara menjadi faktor utama menyebabkan kegiatan penyeludupan dadah semakin aktif dan giat dijalankan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa dan domestik (Kamarudin, 2007). Romeo (2020) menegaskan aktiviti penyeludupan dadah dijalankan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa menggugat keselamatan anggota Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) seperti Thailand dan Malaysia, sekaligus mengesahkan Segi Tiga Emas masih aktif dalam pengeluaran dadah Asia Tenggara. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan ancaman terhadap keselamatan nasional Malaysia. Kegagalan memahamai fenomena dadah sebagai objek keselamatan nasional yang kompleks menyukarkan keberkesanan terhadap usaha dan mekanisme sedia ada oleh badan perundangan, kehakiman serta agensi keselamatan negara yang pelbagai. Pada masa yang sama, penulis makalah ini bersetuju dengan potensi perubahan serta terapi dadah yang kurang merbahaya termasuk penanaman daun ketum dan ganja bagi tujuan penyelidikan dan potensi perubahan terkawal. Penulisan makalah ini tidak menafikan pertimbangan

kemanusiaan dan risiko pencabulan hak asasi manusia yang terjadi dalam kelemahan dan usaha memerangi dadah sedia ada sebagaimana kontroversi membasmi dadah terlarang yang timbul di Filipina. Apabila Presiden Rodrigo Duterte semenjak 2016, telah memperkenalkan peraturan dan memberi kuasa kepada polis untuk memburu penagih sebagai penjenayah apabila kriminalisasi penagihan dadah terlarang dan merbahaya diperkenalkan oleh pentadbiran. Penulisan makalah ini juga tidak menafikan keperluan semasa sedang berubah apabila ketagihan dadah tidak boleh dihadkan sebagai kesalahan jenayah dan perlu dikupas sebagai suatu isu psikologi dan masalah dalam sains ketagihan. Namun, usaha menyahjenyahkan ketagihan dadah secara menyeluruh atau penuh (*blanket decriminalisation*) tidak boleh menafikan elemen dadah merbahaya sebagai suatu objek keselamatan nasional. Ini bermakna kompleksiti memerangi ancaman keselamatan dadah bergantung secara kritikal terhadap faktor elemen jenayah dan konseptualisasi kriminologi dadah mendasari kefahaman wacana 'kesalahan jenayah', 'penyalahgunaan dadah', 'perlanggaran undang-undang', 'ancaman' dalam modus operandi serbuan keselamatan oleh agensi penguatkuasaan negara. Memahami kompleksiti hubungkait antara ekosistem pertahanan, sistem kesalahan jenayah dan operasi keselamatan Malaysia menjelaskan bagaimana elemen tersebut mendasari kesalahan jenayah dadah termasuk tabiat ketagihan adalah asas untuk menjadikan dadah sebagai suatu ancaman keselamatan daripada beberapa aspek utama.

Pertama, kedekataan geopolitik Malaysia dan fungsi laluan tikus di sempadan Malaysia-Thailand dengan industri dadah haram di Segi Tiga Emas (khususnya dari kawasan segi tiga dalam sempadan negara Thailand) di Lembah Sungai Mekong dan Tanah Besar Indochina.

Kedua, semenjak tamatnya perang dingin, skop dan diskusi ancaman keselamatan antarabangsa semakin meluas dan kompleks. Apabila isu dan ancaman keselamatan bukan tradisi tidak menggantikan elemen keselamatan tradisional bahkan menunjukkan kelemahan sistem negara, kemerosotan keupayaan pertahanan selain keterbatasan dan kesukaran kerjasama keselamatan sesama negara serantau menyukarkan kerjasama membasmi ancaman keselamatan yang bersifat transnasional atau merentasi sempadan fizikal negara. Contohnya, pelanunan, pencemaran dan jerebu, pemerdagangan dan penyeludupan manusia serta ekonomi psaran gelap dan jenayah domestik bergantung dengan ketirisan kawalan sempadan negara serta transaksi dan aktiviti jenayah rentas sempadan atau terancang yang melibatkan operasi jenayah penghasilan dan perdagangan dadah haram di Segi Tiga Emas Thailand.

Ketiga, kompleksiti dan keterbatasan kerjasama dalam kawalan keselamatan sempadan terikat dengan norma tidak campur tangan (*non-interference norms*) dalam sesuatu isu/aktiviti jenayah yang ditakrif 'berlaku dalam sempadan negara' dan dilabel sebagai masalah dalaman keselamatan sesebuah negara anggota ASEAN.

Oleh yang demikian, makalah ini ingin membawa minda pembaca dan penggubal polisi keselamatan untuk memahami implikasi signifikan sekiranya usaha sedia ada untuk tidak menyahjenyahkan ketagihan dadah gagal gagal mengambil kira kesan

atau potensi risiko yang terjadi sekiranya elemen menjenayahkan dadah terlarang dihadkan dan tidak mencakupi golongan penagih. Hal ini serius takkala capaian dadah haram mudah diperolehi secara domestik dan berleluasa ekoran perubahan transaksi e-dagang dan teknologi dalam talian sewaktu pandemik. Hakikat Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menginovasikan penawaran dan permintaan bekalan dadah haram negara menerusi platform e-dagang dan e-kourier popular seperti *Shopee*, *Lazada*, *Grab Delivery*, *Shopee Expressway*, *Fedex* serta *DHL* menjadi medan licik bagi operasi transaksi domestik pelbagai jenis dadah terlarang. Laporan media tidak berkala mengenai samaran aktiviti e-dagang dan e-kourier yang terbongkar mengedar dadah terlarang sewaktu PKP menunjukkan adaptasi ancaman keselamatan dalam ekosistem pandemik dan peningkatan sekatan domestik yang lebih tinggi. Pendedahan media mengenai beberapa siasatan awal pihak polis tidak menafikan kemungkinan kreativiti aktiviti haram disokong ekonomi pasaran gelap dan aplikasi media sosial selain keterhubungan operasi pasaran dadah domestik haram bergantung dengan aktiviti jenayah rentas sempadan darat dan maritim antara Malaysia dan Thailand. Konseptualisasi dadah merbahaya tidak sewajarnya dianggap sebagai keselamatan jenayah domestik dan terpisah dengan modus operandi jenayah rentas sempadan.

Rialiti antara Jenayah Ketagihan dan Jenayah Penyeludupan Dadah di Malaysia serta Bekalan Haram dari Segi Tiga Emas Thailand

Perbincangan makalah ini juga ingin membawa minda pembaca dan penggubal polisi keselamatan untuk memahami implikasi signifikan sekiranya usaha sedia ada untuk menyahjenayahkan ketagihan dadah gagal mengambil kira pontensi risiko ancaman keselamatan yang boleh terjadi sekiranya elemen menjenayahkan dadah terlarang terhad takkala capaian bahan terkawal itu mudah diperolehi secara domestik, berleluasa ekoran perubahan transaksi e-dagang dan teknologi dalam talian sewaktu pandemik. Hakikat Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menginovasikan penawaran dan permintaan bekalan dadah haram negara menerusi platform e-dagang dan e-kourier popular seperti *Shopee*, *Lazada*, *Grab Delivery*, *Shopee Expressway*, *Fedex* serta *DHL* menjadi medan licik bagi operasi transaksi domestik pelbagai jenis dadah terlarang. Laporan media tidak berkala mengenai samaran aktiviti e-dagang dan e-kourier yang terbongkar mengedar dadah terlarang sewaktu PKP menunjukkan adaptasi ancaman keselamatan dalam ekosistem pandemik dan peningkatan sekatan domestik yang lebih banyak. Siasatan awal pihak polis tidak menafikan kemungkinan kreativiti aktiviti haram disokong ekonomi pasaran gelap dan aplikasi media sosial selain keterhubungan operasi pasaran dadah domestik haram bergantung dengan aktiviti jenayah rentas sempadan darat dan maritim antara Malaysia dan Thailand. Konseptualisasi dadah merbahaya tidak sewajarnya dianggap sebagai keselamatan jenayah domestik dan terpisah dengan modus operandi jenayah rentas sempadan.

Ketika ini, walaupun wujud tanggapan yang menyatakan Segi Tiga Emas Thailand tidak aktif lagi dalam pengeluaran dadah berbanding Bulan Sabit Emas Afghanistan (pengeluar terbesar heroin dunia), tetapi modus operasi sendiket dadah tempatan serta

kemasukan dadah secara haram di kawasan sempadan masih lagi tidak dapat dibendung secara berkesan. Ini jelas menunjukkan Segi Tiga Emas Thailand masih menjadi ancaman ponensi keselamatan Malaysia dan negara ASEAN lain, khususnya melalui kemasukan dadah yang terhasil dari kawasan tersebut. Selain kedudukan geografi sempadan Malaysia-Thailand yang berhampiran, faktor kemajuan teknologi perhubungan dan komunikasi pada hari ini menjadikan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa semakin licik dalam menjalankan kegiatan penyeludupan dadah. Malah, tidak mustahil sentimen semasa ketegangan maritim China dan Amerika Syarika kembali mengambil kira faktor sejarah dan geopolitik Segi Tiga Emas Thailand. Pada masa yang sama, kemajuan teknologi komunikasi media sosial, transaksi dalam talian serta kecanggihan sistem perhubungan darat, udara dalam menghubungkan Malaysia dan Thailand itu adalah suatu risiko yang sentiasa wujud untuk memudahkan lagi aktiviti penyeludupan. Keluasan sempadan darat dan perairan Malaysia dengan negara Asia Tenggara adalah antara faktor penarik kepada operasi jenayah rentan sempadan dan terancang telahpun menjadikan negara ketika ini terdedah dengan risiko transit penyeludupan dadah.

Klim Politik Nasional Pasca Pilihanraya Umum, Usaha Menyahjenayakan Dadah serta Ancaman Keselamatan

Iklm politik negara semasa masih menyaksikan kelesuan berpolitik di kalangan pengundi yang kekal kecewa dengan ahli politik apabila musim pilihanraya bertembung dengan kesukaran resesi endemik, bencana banjir dan tanah runtuh yang mengorbankan nyawa serta musim piala dunia Qatar yang kurang mendapat tumpuan. Keputusan pilihanraya umum ke-15 yang berterusan bercelaru dengan pelbagai konotasi dan persepsi memyaksikan budaya berpolitik yang kurang sihat dan secara tidak langsung memberi tempas terhadap pelbagai isu keselamatan Malaysia, baik dari segi kemerosotan demokrasi ataupun implikasi kegagalan menangani ancaman keselamatan bukan tradisi seperti penyedupan dan ancaman dadah yang sekian lama merentasi sempadan Malaysia dengan negara Asia Tenggara yang lain. Dalam pada itu, tema ketidakstabilan politik dan cabaran meletakkan hala tuju Malaysia pasca pandemik turut dikaitkan dengan isu keselamatan lama yang mendapat perhatian dan kontroversi baharu.

Pembentukan kerajaan perpaduan dan perdebatan parlimen pada penghujung Disember 2022 turut menarik perhatian apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Parlimen), Datuk Seri Azalina Othman Said menegaskan persetujuan kabinet untuk menyegerakan usaha membentang rang undang-undang pindaan seawal Februari 2023 bagi meminda peruntukan tujuh undang-undang sedia ada dan berkaitan dengan keperluan menjatuhkan hukuman mati mandatori berkaitan dadah dalam Akta Dadah Merbahaya 1952. Ini termasuk pindaan takrifan jenis dadah merbahaya atau terlarang, di samping peruntukan yang bertujuan memberikan kuasa budi bicara (prerogatif) kepada hakim untuk memutuskan sesuatu hukuman yang lebih bersesuaian dan tidak semestinya mensabitkan hukuman gantung sampai mati dengan percabaran kes yang melibatkan jenayah dadah di Malaysia.

Mengambil kira faktor sejarah dan geopolitik kuasa besar dalam Segi Tiga Emas di Thailand dan keseriusan keselamatan dadah di Malaysia, membawa kita kepada persoalan tentang sejauh manakah penyalahgunaan dadah berjaya dikawal sementara cadangan semasa berkaitan pindaan hukuman mati mandatori dalam Akta Dadah Merbahaya 1952 hendak dipinda. Tambahan pula, caadangan bagi mempertimbangkan kemungkinan Malaysia meneroka penggunaan dadah terkawal dan berisiko rendah seperti daun ketum dan ganja bagi tujuan perubatan perlu megambil kira rialiti sejarah dan geopolitik negara dalam aspek keselamatan dadah dan kedekatan negara dengan Segi Tiga Emas Thailand.

Kesimpulan

Ketika ini, kefahaman mutlak terma perundangan sedia ada meletakkan elemen kesalahan jenayah dan pelanggaran undang-undang yang jelas terhadap segala bentuk penyalahgunaan dadah dan budaya ketagihan. Hakikat kriminologi in mmendasari jenayah dadahs ebagai suatu kefahaman ancaman keselamatan, khususnya disebalik falsafah, sejarah, dan kerelevanan perlaksanaan hukuman mati mandatori. Justeru, kefahaman baharu dalam cadangan menyahjenayahkan ketagihan dadah membawa kemungkinan pelbagai kesan tidak dijangka (*unintended consequences*).

Dalam menjelaskan implikasi fenomena keselamatan dadah, pembaca harus berupaya memahami mengapa kelemahan penguatkuasaan perundangan negara dalam mengawal capaian bahan terlarang ini dalam pasaran gelap domestik semakin licik sehingga masih ramai penagih mencapai dadah merbahaya dan terlarang secara berleluasa. Inilah sebanya mengapa masih wujud keperluan mengekalkan kefahaman ketagihan sebagai suatu jenayah dan pengambilan segala bentuk dadah merbahaya dan haram sebagai suatu ancaman keselamatan nasional. Justeru, cadangan untuk tidak menyahjenayahkan kesalahan ketagihan sewajarnya mengambil kira solusi atau mekanisme yang berupaya mengekang penyalahgunaan dadah khususnya dalam meningkatkan usaha kawalan sempadan negara dan laluan tikus yang dijadikan saluran oleh penyeludup dadah rentas sempadan. Hanya setelah memastikan tiada lagi punca ketagihan dadah daripada bekalan dadah yang diseludup secara haram ke Malaysia, barulah usaha menyahjenayahkan ketagihan dadah boleh dklasifikasikan sebagai fenomena yang berbeza dengan kesalahan jenayah akibat daripada penyalahgunaan dan penyeludupan dadah.

Dalam masa yang sama usaha penambahbaikan berterusan di kawasan sempadan harus melangkaui norma lazim ASEAN. Prinsip tidak mencampuri urusan dalam sesebuah negara dalam soal keselamatan trasnasional antara faktor penghalang kordinasi serantau yang lebih berkesan, khususnya dalam menghapuskan aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah dari Segi Tiga Emas Thailand. Ini termasuk proses pengumpulan maklumat perisikan berkaitan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah oleh sindiket penyeludupan dadah antarabangsa. Hanya dengan menambahbaik aspek tadbir urus keselamatan di kawasan sempadan dan kesediaan yang lebih terbuka antara negara jiran dapat mengekang penyeludupan dadah daripada menyokong operasi ekonomi bayangan narkotik domestik Malaysia. Sebarang usaha

mengkaji cadangan untuk membezakan ancaman ketagihan dadah dengan penyeleludupan dadah agak sukar untuk dirialisasikan sekiranya aspek tradbir urus keselamatan dan pertahanan negara tidak diberi tumpuan utama terlebih dahulu. Memahami keterikatan dan kebergantungan aktiviti dan solusi domestik dengan sensitiviti politik serantau dan kuasa besar di Asia Tenggara bukan lagi suatu pilihan jika kita memahami sifat dan ekosistem dadah sebagai suatu ancaman keselamatan nasional.

Penghargaan dan Pengisytiharan

Para penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai tanpa nama (*anonymous reviewers*) kerana kesudian penilaian serta cadangan penambahbaikan kualiti manuskrip. Tiada potensi konflik berkepentingan sepanjang proses penerbitan.

Rakaman penghargaan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya Yang Dihormati Pesuruhjaya Polis Dato' Razarudin bin Husain, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman atas kelulusan bagi menjalankan temu bual bersama pihak Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman serta Ketua-Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia Kontinjen Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

Rujukan

- Abdul Razak, Baginda. ed. 2009. *Malaysia Defence and Security since 1957*. Kuala Lumpur: Malaysian Strategic Research Centre.
- Acharya, Amitav. 2006. "Securitization in Asia: Functional and Normative Implications." In *Non-Traditional Security in Southeast Asia*, edited by Mely Caballero-Anthony, Ralf Emmers and Amitav Acharya, 247-249. London: Routledge.
- Alshakka, Mohammed. 2011. *Adverse Drug Reactions Reporting by Consumers in Penang-Malaysia: Perspective from Health Care Professionals and Consumers*. Berlin: AV Akademikerverlag.
- Andaya, Barbara W. and Andaya, Leonard W. 1982. *History of Malaysia*. New York: Palgrave Macmillan.
- Armao, Fabio. 2003. "Why is Organized Crime so Successful?" In *Organized Crime and the Challenge to Democracy*, edited by Felia Allum and Renate Siebert, 27-38. London: Routledge.
- Asal, Victor., H Brinton Milward and Eric W. Schoon. 2015. "When Terrorist Go Bad: Analyzing Terrorist Organisations' Involvement in Drug Smuggling." *International Studies Quarterly* 59, no. 1: 112-123.
- Azil, Firdaus. 2022. "Kerajaan akan Pinda Tujuh Akta Berkaitan Penggantian Hukuman Mati Mandatori." *Astro Awani*. Dilayari pada December 21, 2022. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-akan-pinda-tujuh-akta-berkaitan-penggantian-hukuman-mati-mandatori-azalina-398118>

- Baddeley, Alan D. 1996. "Drug Trafficking as a Non-Traditional Security Threat to Central Asian States." *Cognitive Neuropsychiatry* 1, no. 3, 185-189.
- Bagley, Bruce Michael. 1988. "The New Hundred Years War? US National Security and the War on Drugs in Latin America." *Journal of Interamerican Studies and World Affairs* 30, no. 1, 161-182.
- Balakrishnan, K. 2008. *Defence Industrialisation in Malaysia: Development Challenges and the Revolution in Military Affairs Security Challenges*. Vol. 4, no. 4, 139-155.
- Balakrishnan, K. S. and Helena Varkey. 2017. "The Straits of Malacca: Malaysia's Threat Perception and Strategy for Maritime Security." In *Maritime Security in East and Southeast Asia: Political Challenges in Asian Waters*, edited by Nicholas Tarling and Xin Chen, 23-42. New York: Palgrave Macmillan.
- Behera, Bhagaban. 2013. "Editorial Cognition, Neurology, Psychiatry: Golden Triangle or Bermuda Triangle?" *Jadavpur Journal of International Relations* 17, no. 2, 229-251.
- Bergen-Cico, Dessa K. 2015. *War and Drugs: The Role of Military Conflict in the Development of Substance Abuse*. London: Routledge.
- Bernamea. 2022. "Khairy Lawat Thailand, Nilai Potensi Penggunaan Ganja Perubatan." *Malaysia Now*. Dilayari pada Ogos 2, 2022. <https://www.malaysianow.com/my/news/2022/08/22/khairy-lawat-thailand-nilai-potensi-penggunaan-ganja-perubatan>
- Berry, Philip A. 2019. *The War on Drugs and Anglo-American Relations: Lessons from Afghanistan, 2001-2011*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Bourdier, Frederic. 2018. "Political Livelihoods on the Northeast Borderlands of Cambodia: Legacy of the Past, Territorial Incorporation, and Confrontation." In *Routledge Handbook of Asian Borderlands*, edited by Hortsman, Marttin Saxer and Alessandro Rippa, 17-28. London: Routledge.
- Bunck, Julie Marie. and Michael Ross Fowler. 2012. *Bribes, Bullets, and Intimidation: Drug Trafficking and the Law in Central America*. University Park: Penn State University Press.
- Buxton, Julia. 2006. *The Political Economy Narcotics: Production, Consumption and Global Markets*. New York: Fernwood Publishing.
- Caballero-Anthony, Mely. and Ralf Emmers. 2006. "Understanding the Dynamics of Securitized Non-Traditional Security." In *Non-Traditional Security in Southeast Asia*, edited by Mely Caballero-Anthony, Ralf Emmers and Amitav Acharya, 1-12. London: Routledge.
- Cedillo, Adela. 2021 "Operation Condor, the War on Drugs, and Counterinsurgency in the Golden Triangle (1977-1983)" *Working Papers of the Helen Kellogg*

Institute for International Studies May, no. 443: chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://kellogg.nd.edu/sites/default/files/working_papers/Cedillo%20WP%20FINAL.pdf

- Chalk, Peter. 2000. Southeast Asia and the Golden Triangle's Heroin Trade: Threat and Response. *Studies in Conflict & Terrorism* 23, 2: 89-106.
- Chandler, David P. 1987. *In Search of Southeast Asia: A Modern History*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Chareonwongsak, Kriengsak. 2018. "ASEAN's Limitation in Conflict Resolution." In *International Security in the Asia Pacific: Transcending ASEAN towards Transitional Polycentricism*, edited by Alan Chong, 85-98. New York: Palgrave Macmillan.
- Chin, Ko-Lin and Sheldon X. Zhang. 2015. *The Chinese Heroin Trade: Cross-Border Drug Trafficking in Southeast Asia and Beyond*. Oxford: Oxford University Press.
- Chin, Ko-Lin. 2011. *The Golden Triangle: Inside Southeast Asia's Drug Trade*. New York: Cornell University Press.
- Chouvy, Pierre-Arnaud 2010. *Opium: Uncovering the Politics of the Poppy*. Massachusetts, Cambridge: Harvard University Press.
- Chouvy, Pierre-Arnaud 2021. "The Golden Triangle: Regression then Reform?" In *Transforming the War on Drugs*, edited by Annette Idler and Juan Grazon Vergara, 229-252, Oxford: Oxford University Press.
- Chouvy, Pierre-Arnaud eds. 2013. *An Atlas of Trafficking in Southeast Asia: The Illegal Trade in Arms, Drugs, People, Counterfeit Goods and Natural Resources in Mainland Southeast Asia*. London: I. B. Taurus.
- Colins, John. 2020. "Imperial Drug Economies, Development, and the Search for Alternatives in Asia: From Colonialism to Decolonisation." *International Development Policy* 12. Accessed on July 23, 2022. <https://journals.openedition.org/poldev/3683#quotation>
- Cornell, Svante E. 2007. "Drug Smuggling in Central Eurasia." In *Transnational Threats: Smuggling and Trafficking in Arms, Drugs and Human Life*, edited by Kimberly L. Thacuk, 94-112. New York: Praeger Security International.
- Cox, Christopher R. 1997. *Chasing the Dragon: Into the Heart of Golden Triangle*. New York: Henry Holt Inc.
- Crandall, Russell C. 2020. *Drugs and Thugs: The History and Future of America's War on Drugs*. New Haven: Yale University Press.
- Daud, Sity., Zarina Othman and Rashila Ramli. 2014. *Human Security & Peace in Archipelagic Southeast Asia*. Bangi: UKM Press.

- Dayley, Robert. 2019. *Southeast Asia in the New International Era* (8th edition). London: Routledge.
- Derks, Hans. 2012. *History of the Opium Problem: The Assault on the East, ca. 1600-1950*. London: Brill.
- Djedje, Rutha Sharifa. And Rudiger Korff. 2004. Opium and Development: Global and Local Interactions in the Golden Triangle. *Pacific News* February: 5-7.
- Dupont, Alan. 1999. "Transnational Crime, Drugs, and Security in East Asia." *Asian Survey* 39, no. 3, 433-455.
- Editors. 1993. "America's Golden Triangle." *Journal of Contemporary Asia* 8, no. 4, 584-596.
- Editors. 1993. "ASEAN Security Problems: Issues and Challenges." *The Adelphi Papers* 33, no. 279, 17-40.
- Elliot, Lorraine. 1991. "Transnational Environmental Crime in the Asia Pacific: An 'Un(der)securitized' Security Problem?" *The Pacific Review* 20, no. 4: 499-522.
- Emmers, Ralf. 2003. "ASEAN and the Securitization of Transnational Crime in Southeast Asia?" *The Pacific Review* 16, no. 3: 419-438.
- Ezeokeke, Blaise. 2011. *Last Declaration: Nigerians' Story of Sex, Drugs, Scams and Deaths in Malaysia*. Kuala Lumpur: MPH Publisher.
- Frisendorf, Cornelius. 2007. *US Foreign Policy and the War on Drugs: Displacing the Cocaine and Heroin Industry*. London: Routledge.
- Frisendorf, Cornelius. 2021. *The War on Drugs: A History*. New York: NYU Press.
- Fulton, W. J. 1991. "Counter-Terrorism." *The Police Journal: Theory, Practice and Principles* 64, no. 2: 153-166.
- Ganesan, N. 2010. "Thailand-Malaysia Bilateral Relations." In *International Relations in Southeast Asia: Between Bilateralism and Multilateralism*, edited by N. Ganesan and Ramses Amer, 143-169. Singapore: ISEAS.
- Garcia, Nilda M. 2021. *Mexico's Drug War and Criminal Networks: The Dark Side of Social Media*. London: Routledge.
- Gautnam, Ajay. 2016. *Drugs, Politics and Innovation: An Emerging Markets Cocktail*. Singapore: Patridge Publishing.
- Gelardi, Maiken. 2020. "Blurring Borders: Investigating the Western/Global South Identity of Human Security." *Alternatives: Global, Local, Political* 45, no. 3: 143-161.
- Giblin, Beatrice. 2020. "Editorial: Southeast Asia." *Herodote* 176, no. 1 3-8.

- Gibson, Richard Mel. and Chen, Wen Hua. 2011. *The Secret Army: Chiang Kai-shek and the Drug Warlords of the Golden Triangle*. London: John Wiley and Sons.
- Gilles, Allan. 2018. "Theorising State-Narco Relations in Bolivia's Nascent Democracy (1982-1993)." *Third World Quarterly* 39, no. 4: 727-746.
- Gimlette, John D. 1971. *Malay Poisons and Charm Cures* (Republished edition). Singapore: Oxford University Press.
- Goh, Evelyn. 2006. "China in the Mekong River Basin: The Regional Security Implications of Resource Development on the Lancang Jiang." In *Non-Traditional Security in Southeast Asia*, edited by Mely Caballero-Anthony, Ralf Emmers and Amitav Acharya, 225-246. London: Routledge.
- Government of Australia. 1976. *Drug Law Enforcement of Australia*. Canberra: Australia Narcotics Bureau.
- Gray, C. S. 2011. *Strategy and Politics*. London: Routledge.
- Haacke, Jurgen and Paul D. Williams. 2008. "Regional Arrangements, Securitization, and Transnational Security Challenges: The African Union and the Association of Southeast Asian Nations Compared." *Security Studies* 17, no. 4: 775-809.
- Haacke, Jurgen. 2003. *ASEAN's Diplomatic and Security Culture: Origins, Development and Prospects*. London: Routledge.
- Harry, Lucy. 2021. "Rethinking the Relationship between Women, Crime and Economic Factors: The Case-Study of Women Sentenced to Death for Drug Trafficking in Malaysia" *Laws* 10, no. 1, <https://doi.org/10.3390/laws10010009>
- Hevia, James L. 2003. "Reviewed Works: Modern China and Opium: A Reader by Alan Baumler; Opium Regimes: China, Britain, and Japan, 1839-1952 by Timothy Brook, Bob Tadashi Wakabayashi; Britain's China Policy and the Opium Crisis: Balancing Drugs, Violence and National Honour, 1833-1840 by Glenn Melancon; Opium, Empire, and the Global Political Economy: A Study of the Asian Opium Trade 1750-1950 by Carl A. Trocki." *China Review International* 10, no. 2: 307-326.
- Hoadley, J. S. 1975. *Soldiers and Politics in Southeast Asia: Civil Military Relations in Comparative Perspective, 1993-1975*. London: Routledge.
- Hu, Zhiding and Victor Konrad. 2022. "Repositioning Security Spaces of Exclusion, Exception and Integration in China-Southeast Asia Borderlands." *Regions and Cohesion* 11, no. 2: 1-25.
- Huang, Po-Yi. And Ian G. Baird 2017. "From Soldiers to Farmers: The Political Geography of Chinese Kuomintang Territorialization in Northern Thailand." *Political Geography* 58, no. 2: 1-13.

- Inglis, Brian. 1975. *The Forbidden Game: A Social History of Drugs*. New York: Scribner Press.
- Jensen, Steffen Bo. And Karl Hapal. 2022. *Communal Intimacy and the Violence of Politics: Understanding the War on Drugs in Bagong Silang, Philippines*. Ithaca: Cornell University Press.
- Jones, L. 2011. "Beyond Securitization: Explaining the Scope of Security Policy in Southeast Asia." *International Relations of the Asia Pacific*. Vol. 11, 403-432..
- Jones, Lee. 2012. *ASEAN, Sovereignty and Intervention in Southeast Asia*. New York: Palgrave Macmillan.
- Jones, Reece. 2018. "Violence in Asian Borderlands." In *Routledge Handbook of Asian Borderlands*, edited by Hortsmann, Martin Saxer and Alessandro Ripa, 17-28. London: Routledge.
- Kamarudin, Abdul Rani. 2007. "The Misuse of Drugs in Malaysia: Past and Present." *Jurnal Anti Dadah Malaysia* 1, no. 1: 1-24.
- Kan, Paul Rexton. 2016. *Drug Trafficking and International Security*. London: Rowman & Littlefield.
- Kleemans, E. R. 2014. "Theoretical Perspective on Organised Crime." In *The Oxford Handbook of Organized Crime*, edited Letizia Paoli, 32-52. Oxford: Oxford University Press.
- Kramer, Tom., Martin Jelsma and Tom Blickman. 2009. *Withdrawal Symptoms in the Golden Triangle: A Drug Market in Disarray*. Amsterdam: Transnational Institute.
- Lafaye, C. 2021. "Historical Methods in Defence and War Studies: The Case of Historical Defence Studies in France." In *Research Methods in Defence Studies: A Multidisciplinary Overview*, edited by D. Deschaux-Dutard, 47-59. London: Routledge.
- Lampe, Klaus Von. 2010. "Withdrawal Symptoms in the Golden Triangle: A Drug Market in Disarray." *Trends in Organised Crime* 13, no. 1: 87-108.
- Lemon, Edward. 2020. *Critical Approaches to Security in Central Asia*. London: Routledge.
- Lin, Lua Pei and Nor Samira Talib. (2012). *Terapi Gantian Metadon untuk Penagihan Dadah*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Lindsey, Tim. and Pip Nicholson. 2016. *Drugs Law and Legal Practice in Southeast Asia: Indonesia, Singapore and Vietnam*. London: Hart Publishing.
- Lintner, Bertil 2000. "The Golden Triangle Opium Trade: An Overview." *Asia Pacific Media Services* [Myanmar], <https://www.burmalibrary.org/en/the-golden-triangle-opium-trade-an->

overview?_cf_chl_tk=9geulAhOqJ2T6yzLVIJtKA0cVmGNRg59_GUw95epVpA-1672151060-0-gaNycGzNCJE

- Lintner, Bertil. and Michael Black. 2009. *Merchants of Madness: The Methamphetamine Explosion in the Golden Triangle*. New York: Silkworm Books.
- Lipsman, Samuel., Douglas Pike, John Prados, James William Gibson, Shelby Stanton, Rod Paschall, John Morrocco, Benjamin F. Schemmer, and Robert Manning eds. 1988. *The Vietnam Experience: War in the Shadows*. Boston: Boston Publishing Company.
- Lyttleton, C. 2004. "Relative Pleasures: Drugs, Development and Modern Dependencies in Asia's Golden Triangle." *Development and Change* 35, no. 5: 909-935.
- Maciel-Padilla, Agustin. 2020. *Understanding Mexico's Security Conundrum*. London: Routledge.
- Maulana, Zain. and Edward Newman. 2022 "Contesting the 'Responsibility to Protect' in Southeast Asia: Rejection or Normative Resistance?" *Global Responsibility to Protect* 14, no. 1: 37-74
- McAllister, William B. 1999. *Drug Diplomacy in the Twentieth Century: An International History*. London: Routledge.
- McCoy, Alfred W. 2003. *The Politics of Heroin: CIA Complicity in the Global Drug Trade, Afghanistan, Southeast Asia, Central Asia, Columbia*. New York: Lawrence Hill Books.
- Md Isa, Yusramizza. 2015. Haram Reduction in the Context of Drug Use in Malaysia: A Critical Analysis of Its Justification and Its Compactibility with the Criminal Justice Approach. Ph.D Thesis. Law School, Lancaster University, UK.
- Merwin, Samuel. 2012. *Drugging a Nation: The Story of China and the Opium Curse*. Michigan: Fleming H. Revel Company.
- Milley, Richard L. 2007. "Weak States and Porous Borders: Smuggling Along the Andean Ridge." In *Transnational Threats: Smuggling and Trafficking in Arms, Drugs and Human Life*, edited by Kimberly L. Thacuk, 146-158. New York: Praeger Security International.
- More, Brenda L. 2014. "In-depth Interviewing." In *Routledge Handbook of Research Methods in Military Studies*, edited by Joseph Soeters, Patricia M. Shields and Sebastian Riethjens, 104-115. London: Routledge.
- Muna, Riefqi. 2006. "Securitizing Small Arms and Drug Trafficking in Indonesia." In *Non-Traditional Security in Southeast Asia*, edited by Mely Caballero-Anthony, Ralf Emmers and Amitav Acharya, 93-111. London: Routledge.

- Na, Wee Na. 2018. "Opium Production and Countering Terrorism Financing in Afghanistan: Lessons from Thailand's Royal Projects" *Counter Terrorist Trends and Analyses* 10, no. 2: 1-5.
- Peoples, Columbia. and Nick Vaughan-Williams. 2021. *Critical Security Studies: An Introduction* (Third edition). London: Routledge.
- Peters, Gretchen. 2009. "How Opium Profits Taliban." *United States Institute of Peace (USIP)*. Accessed on July 22, 2022. chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.usip.org/sites/default/files/resources/taliban_opium_1.pdf
- Peters, Michael A., Alexander J. Means. David P. Ericson. Shivali Tukdeo. Joff P. N. Bradley. Liz Jackson. Guanglun Michael Mu. Timothy W. Luke. And Greg William Misiaszek. 2022. "The China-threat Discourse, Trade, and the Future of Asia: A Symposium" *Education Philosophy and Theory* 54, no. 10: 1531-1549.
- Pillai, Vinodh. 2020. "Pakatan to Decriminalise Personal Drug by 2023." *Code Blue: Health is Human Rights*. Dilayari pada Januari 30, 2020. <https://www.malaysianow.com/my/news/2022/08/22/khairy-lawat-thailand-nilai-potensi-penggunaan-ganja-perubatan>
- Prayuda, Rendi., Cifebrima Suyastri, M. Arsy Shidiqy, Fitriisia Munir and Artha Yudilla. 2020. "Routes of Narcotics Smuggling in the Southeast Asia Region: Case Study in Riau Province Region Border Indonesia and Malaysia." *Proceedings of the Second International Conference on Social, Economy, Education and Humanity (ICoSEEH 2019)*: 34-40.
- Prayuda, Rendi., Tulus Warsito, and Surwandono. 2020. "The Problematics of Association Southeast Asian Nations Within Handling Transnational Crime Smuggling Drug Trafficking." *Humanities & Social Sciences Reviews* 8, no. 1: 844-855.
- Rogers, Roy Anthony. 2008. *Segi Tiga Emas: Perniagaan Narkotik di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rosino, Michael. 2021. *Debating the Drug War: Race, Politics, and the Media*. London: Routledge.
- Sabhasri, Sanga. 1978. "Opium Culture in Northern Thailand: Social and Ecological Dilemma." In *Farmers in the Forest: Economic Development and Marginal Agriculture in Northern Thailand*, edited by Peter Kunstadter and E. C. Chapman, and Sanga Sabhasri, 310-315. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Sachsenroder, Wolfgang. 2022. *From Opium to Methamphetamines: The Nine Lives of the Drug Industry in Southeast Asia*. Singapore: World Scientific.
- Scorzelli, James. 1987. *Drugs Abuse: Preventions and Rehabilitations in Malaysia*. Bangi: UKM Press.

- Scott, James P. 2006. *Documentary Research*. London: SAGE.
- Sen, Sankar. 1991. "Heroin trafficking in the Golden Triangle." *The Police Journal: Theory, Practice and Principles* 64, no. 3: 241-248.
- Shelley, Fred. And Reagan Metz (2012). *Geography of Trafficking: From Drug Smuggling to Modern-Day Slavery*. New York: ABC-CLIO.
- Sheng, Lijun. 2006. "China-ASEAN Cooperation against Illicit Drugs from the Golden Triangle." *Asian Perspective* 30, no. 2: 97-126.
- Simon, Sheldon W. 2010. "Southeast Asian International Relations: Is There Institutional Traction?" In *International Relations in Southeast Asia: Between Bilateralism and Multilateralism*, edited by N. Ganesan and Ramses Amer, 143-169. Singapore: ISEAS.
- Singh, Ningthoujam Koiremba. 2013. *Non-Traditional Security in International Relations: Illicit Drug Trafficking and Narco-Terrorism in East and South East Asia*. New Delhi: Ruby Press & Co.
- Smith, Emaline. 2019. "Transnational Crime in Asia: Causes, Effects, and Challenges." In *Research Handbook on Transnational Crime*, edited by Valsamis Mitsilegas, Saskias Hufnagel, and Anton Moiseienko 427-481. London: Edward Elgar.
- Su, Xiaobo. 2015. "Non-traditional Security and China's Transnational Narcotics Control in Northern Laos and Myanmar." *Political Geography* 48, no. 2: 72-82.
- Sulastiana, Dr. 2021. *Mengungkap Ekologi Kejahatan Narkotika*. Jakarta Timur: Rayyana Komunikasindo.
- Syaifullah, Khalid 2017. Kontestasi Ganja: Diskusi Legitimasi Ganja Badan Narkotika Nasional (BNN) dan Lingkar Ganja Nusantara (LGN) Tahun 2011-2-16. Tesis Sarjana Sosial. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia.
- Tate, Katherine., James Lance Taylor, and Mark Q. Sawyer eds. 2013. *Something's in the Air: Race, Crime, and the Legalization of Marijuana*. London: Routledge.
- Tayyeb, Azmel and P. H. Hong. 2021. "Malaysia: Improvised Pandemic Policies and Democratic Regression;" In *COVID-19 in Asia: Law and Policy Contexts*, edited by V. V. Ramraj, 321-222. Oxford: Oxford University Press.
- TI. 2010. "Alternative Development or Business as Usual? China's Opium Substitution Policy in Burma and Laos." Drug Policy Briefing No. 33, *Transnational Institute (TI)*. Accessed on July 24, 2022. [chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://www.tni.org/files/download/brief33.pdf](https://www.tni.org/files/download/brief33.pdf)
- Wan Azmi Ramli. 1986. *Selangkar Ke Kubur*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

- Wason, Vicky L. 1987. *Malaysia's Judicial System: Drug Trafficking*. Winona, Minnesota: Winona State University.
- Weatherbee, Donald E. 2009. *International Relations in Southeast Asia: The Struggle for Autonomy* (2nd Edition). London: Rowman & Littlefield.
- Weimer, Daniel. 2011. *Seeing Drugs: Modernization, Counterinsurgency, and U.S. Narcotics Control in the Third World, 1969-1976*. Kent, Ohio: Kent State University.
- Weiss, Meredith. ed. 2014. *Routledge Handbook of Contemporary Malaysia*. London: Routledge.
- WHO. 2011. *Good Practices in Asia: Effective Paradigm Shifts Towards an Improved National Response to Drugs and HIV/AIDS: Scale-Up of Harm Reduction in Malaysia*. Kuala Lumpur: World Health Organization.
- Wiant, John A. 1985. "Narcotics in the Golden Triangle." *The Washington Quarterly* 8, no. 4, 125-140.
- Williams, Phil. 1997. Transnational Criminal Organisations and International Security, In *Athena's Camp: Preparing for the Conflict in Information Age*, edited by John Arquilla and David Ronfeldt, 315-338. California: RAND Corporation.
- Wirtz, J. J. 2019. "A New Agenda for Security and Strategy?" In *Strategy in Contemporary World: An Introduction to Strategic Studies* (6th edition), edited by J. Baylis, J. J. Wirtz, and C. S. Gray, 366-364. Oxford: Oxford University Press.
- Wong, Amy. 2007. "Chinese Crime Organizations as Transnational Enterprises." In *Transnational Threats: Smuggling and Trafficking in Arms, Drugs and Human Life*, edited by Kimberly L. Thacuk, 131-142. New York: Praeger Security International.
- Wright, Ashley 2013. *Opium and Empire in Southeast Asia Regulating Consumption in British Burma*. New York: Palgrave Macmillan.
- Yawnghwe, Chao-Tzang. 1993. "The Political Economy of the Opium Trade: Implications for Shan State." *Journal of Contemporary Asia* 23, no. 3, 306-326.
- Yong-an, Zhang. 2012. *Asia, International Drug Trafficking, and U.S.-China Counternarcotics Cooperation*. Washington D.C.: The Brookings Institution.
- Yoshimatsu, Hidetaka. 2016. "The United States, China, and Geopolitics in the Mekong Region." *Asian Affairs: An American Review* 42, no. 4: 173-194.
- Zarina, Othman. 2004. "Myanmar, Illicit Drug Trafficking and Security Implications." *AKADEMIKA: Journal of Social Sciences and Humanities of Southeast Asia* 65, 27-43.

- Zarina, Othman. 2009. "Human Security Concepts, Approaches and Debates in Southeast Asia." In *Facing Global Environmental Change: Environmental, Human, Energy, Food, Health and Water Security Concepts*, edited by Hans Günter Brauch, Úrsula Oswald Spring, John Grin, Czeslaw Mesjasz, Patricia Kameri-Mbote, Navnita Chadha Behera, Béchir Chourou, and Heinz Krummenacher, 1037-1047. Berlin: Springer Berlin Heidelberg.
- Zarina, Othman. and Nor Azizan Idris. 2016. "Illicit Drugs as Human Security Threat in East Asia." In *Advancing the Regional Commons in the New East Asia*, edited by Siriporn Wajjwalku, Kong Chong Ho and Osamu Yoshida, 29-52. London: Routledge.
- Zarina, Othman., Nur Ruhana Nasuha Abdullah Jian and Abdul Halim Mahamud. 2013. "Non-Traditional Security Issues and the Stability of Southeast Asia." *Jurnal Kajian WILAYAH* 4, 2:150-164.
- Zavala, Oswaldo. 2022. *Drug Cartels Do Not Exist: Narcotrafficking in US and Mexican Culture*, (republished edition). translated by William Savinar. Nashville, Tennessee: Vanderbilt University Press.